

BAB TIGA

LANDASAN TEORI

3.1 Pengenalan:

Dalam bab ini akan dibincangkan mengenai pengertian *al-‘adad wa al-ma‘du:d*, pembahagian *al-‘adad* kepada *al-‘adad al-asliyy* (الْعَدَدُ الْأَصْلِيّ) dan *al-‘adad al-tarti:biyy* (الْعَدَدُ التَّرْتِيبِيّ), jenis-jenis *al-‘adad al-asliyy*, *i‘ra:b al-‘adad al-asliyy*, jenis-jenis *al-‘adad al-tarti:biyy*, istilah-istilah yang berkaitan dengannya serta peraturan-peraturan bagi setiap bahagian. Contoh *i‘ra:b* juga akan disertakan bagi melengkapkan lagi pengkajian.

3.2 Pengertian Al-‘Adad Wa Al-Ma‘du:d

Al-‘adad wa al-ma‘du:d adalah merupakan dua rangkai kata yang saling berkait dan saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana, *al-‘adad* sahaja tanpa *al-ma‘du:d*, tidak akan memberikan apa-apa makna leksikal, begitulah juga *al-ma‘du:d* sahaja tanpa *al-‘adad* tidak akan dapat menjelaskan kesamaran leksikalnya.

Terdapat banyak pengertian yang diberikan oleh para nahuan Arab mengenai maksud *al-‘adad wa al-ma‘du:d* ini. Setiap takrifan yang diberi itu menunjukkan kepada maksud yang diinginkan mengikut pemahaman mereka. Di sini, pengkaji akan mendatangkan beberapa takrifan yang diberi oleh para nahuan, sama ada yang lama atau yang moden untuk lebih memahami lagi maksud dua istilah berkenaan.

Menurut Ibn Manzu:r (1994,Vol.3:282) *al-‘adad* ialah kadar sesuatu yang dihitung dan jumlahnya. Kata nama jama‘nya ialah *أَعْدَاد* dan *العِدَّة*.

Sementara itu al-Jurja:niyy (1998:191) meletakkan takrif *al-‘adad* sebagai jumlah yang terdiri daripada beberapa unit. Oleh yang demikian menurutnya, satu bukan dikira sebagai *al-‘adad*. Sekiranya dipecahkan *al-‘adad* itu kepada unit-unit kecilnya maka termasuklah di sana satu.

Al-Azhariyy di dalam Baraka:t Yu:suf Habbu:d (1994,Vol.4:231) pula menyebut *al-‘adad* ialah jumlah yang menyamai separuh daripada jumlah keseluruhan pangkal yang kecil (*al-ha:shiyat al-sughra:*) dan pangkal yang besar (*al-ha:shiyat al-kubra:*). Sebagai contoh, angka dua bersamaan dengan separuh daripada jumlah satu dan tiga. Ini kerana jumlah keduanya ialah empat dan separuh daripada empat ialah dua.

‘Azi:zat Fawwa:l Ba:bitiyy (1992,Vol.2:630) pula menjelaskan maksud *al-‘adad* seperti berikut iaitu sesuatu kata yang diletakkan untuk menunjukkan jumlah sesuatu, yang mana di antara keistimewaannya ialah sesuatu *al-‘adad* itu adalah bersamaan dengan separuh daripada jumlah angka sebelum dan selepasnya. *Al-‘adad* lima sebagai contoh, bersamaan dengan empat yang ditambah dengan enam dan dibahagi dengan dua. [$(4+6) \div 2 = 5$].

Menurut ‘Abd al-Mun‘im Sayyid ‘Abd al-‘A:l (tt,Vol.4:6) yang dimaksudkan dengan *al-‘adad* ialah semua lafaz yang menunjukkan kepada *al-ma‘du:d*. Apabila disebut *ثَلَاثَةُ رِجَالٍ* (*tiga lelaki*) dan *عَشْرَ نِسَاءٍ* (*sepuluh wanita*) sebagai contohnya, maka *al-‘adad* ialah *ثَلَاثَة* (*tiga*) dan *عَشْر* (*sepuluh*), manakala jenis lelaki *رِجَال* dalam contoh yang pertama dan jenis wanita *نِسَاء* dalam contoh yang kedua adalah *al-ma‘du:d*.

Al-‘adad dan *al-ma‘du:d* mesti digabungkan dalam satu struktur ayat dan tidak boleh dipisah-pisahkan. Hal ini demikian kerana bilangan dan jenis tidak akan dapat mendatangkan sebarang makna melainkan dengan kehadiran kedua-duanya sekaligus dalam ayat. Sekiranya kita menyebut perkataan ثَلَاثَةٌ (*tiga*) sebagai contohnya, maka lafaz ini memberikan penjelasan mengenai bilangan, tetapi tidak menerangkan mengenai jenis sesuatu yang dibilang. Dan sekiranya disebut perkataan رِجَالٌ (*lelaki*), lafaz ini memberi pemahaman mengenai jenis iaitu lelaki tetapi tidak menerangkan bilangannya. Sekiranya kita ingin menerangkan maksud kedua-duanya, maka tidak dapat tidak, mesti digabungkan *al-‘adad* ثَلَاثَةٌ dan *al-ma‘du:d* رِجَالٌ , menjadi ثَلَاثَةُ رِجَالٍ (*tiga orang lelaki*).

Inilah situasi yang wujud dalam kita membahaskan mengenai tajuk *al-adad* dan *al-ma‘du:d* ini. Iaitu perkaitan yang rapat di antara keduanya yang tidak boleh dipecah-pecahkan kepada unit-unit yang tersendiri. *Al-‘adad* sahaja tanpa *al-ma‘du:d* tidak akan menjelaskan sebarang maksud, begitulah juga *al-ma‘du:d* sahaja tanpa *al-‘adad* juga tidak akan menerangkan sebarang makna.

Menurut Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t (2007, Vol.3:315) semua *al-‘adad* ialah nama-nama yang bersifat kesamaran yang mana ianya boleh dipindahkan daripada satu kata nama kepada satu kata nama yang lain. Hal ini demikian kerana *al-‘adad* boleh digunakan untuk menghitung semua benda selain daripada dirinya. Oleh yang demikian, *al-‘adad* memerlukan penentuan aspek semantik yang digunakan untuknya dalam ayat. Oleh sebab itu, untuk menjelaskan kesamaran ini, *al-‘adad* memerlukan *al-tamyi:z* untuk menjelaskan kesamaran itu dan menentukan petunjuk semantik yang diperlukannya.

‘Abba:s Hasan (tt,Vol.4:525) berkata: inilah maksud kata-kata ahli bahasa: *الْعَدَدُ مُبْهَمٌ يُزِيلُ ابْهَامَهُ التَّمْيِيزُ أَي: المَعْدُودُ* (*al-‘adad adalah sesuatu yang samar dan kesamarannya dihilangkan dengan al-tamyi:z iaitulah al-ma‘du:d*).

Akan tetapi, sebagai peringatan peraturan ini tidak melibatkan *al-‘adad* *وَاحِدٌ* (*satu*) dan *اِثْنَانٍ* (*dua*) yang mana *al-ma‘du:d* bagi kedua-duanya boleh berdikari dan tidak memerlukan kepada *al-‘adad* dalam menjelaskan bilangan dan jenis. Perbahasan mengenainya akan diperincikan dalam bab-bab yang berkenaan nanti.

3.3 Jenis-Jenis Al-‘Adad

Al-‘adad dalam BA terbahagi kepada dua jenis iaitu:

- 1) **Al-‘adad al-asliyy** (*الْعَدَدُ الْأَصْلِي*) : iaitu *al-‘adad* yang menunjukkan kepada jumlah sesuatu yang dihitung seperti: *جَاءَ ثَلَاثَةُ رِجَالٍ* (*telah datang tiga orang lelaki*) dan firman Allah Ta‘a:la: (su:rat al-Baqarat: 163) *﴿وَالْهَكَمَ إِلَهٌ وَاحِدٌ﴾* (*dan tuhan kamu adalah tuhan yang **maha esa***)

Al-‘adad al-asliyy ini, menurut ‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy (1992,Vol.2:630) mempunyai beberapa nama antaranya *al-‘adad al-sari:h* (*الْعَدَدُ الصَّرِيحُ*), *al-‘adad al-hisa:biy* (*الْعَدَدُ الْحِسَابِي*) atau *al-‘adad* (*الْعَدَدُ*) sahaja. *Al-‘adad al-asliyy* ini terbahagi pula kepada empat bahagian iaitu:

- i) *Al-‘adad al-mufrad* (*الْعَدَدُ الْمُفْرَدُ*)
- ii) *Al-‘adad al-murakkab* (*الْعَدَدُ الْمُرَكَّبُ*)
- iii) *Al-‘adad al-‘uqu:d* (*الْعَدَدُ الْعُقُودُ*)
- iv) *Al-‘adad al-ma‘tu:f* (*الْعَدَدُ الْمَعْطُوفُ*)

Setiap bahagian daripada *al-‘adad* ini, akan dihuraikan di dalam topik-topik akan datang.

2) **Al-‘adad al-tarti:biyy (الْعَدَدُ التَّرتِيبِي)** : iaitu *al-‘adad* yang menunjukkan kedudukan sesuatu yang dihitung. *Al-‘adad* ini dibentuk dengan mengubah *al-‘adad al-asliyy* kepada *ism al-fa:‘il* mengikut pola فَاعِلٌ. Contohnya: *al-‘adad al-tarti:biyy* bagi ثَلَاثٌ (*tiga*) ialah ثَالِثٌ (*ketiga*), bagi أَرْبَعٌ (*empat*) ialah رَابِعٌ (*keempat*) dan begitulah selanjutnya. Ianya juga terbahagi kepada empat sepertimana dalam *al-‘adad al-asliyy*. Penerangan mengenai keempat-empat bahagian *al-‘adad* ini akan dibincangkan di dalam topik yang dikhususkan kelak.

3.4 JENIS-JENIS AL-‘ADAD AL-ASLIYY

3.4.1 Al-‘Adad Al-Mufrad (الْعَدَدُ الْمُفْرَدُ)


Al-‘adad al-asliyy al-mufrad ialah *al-‘adad* yang merangkumi di antara الْوَاحِدُ (*satu*) dan الْعَشْرَةُ (*sepuluh*). Begitu juga dengan *al-‘adad* الْمِئَةُ (*seratus*), الْأَلْفُ (*seribu*), الْمِليُونُ (*sejuta*) dan gandaannya walaupun ketika semua *al-‘adad* ini dalam keadaan kata nama pendua seperti مِئَتَانِ atau kata nama jama‘ seperti مِائَاتٌ, أَلْفَانِ dan أُلُوفٌ. Lafaz-lafaz yang lebih besar daripada ini seperti بِلْيَارٌ, مِليُونٌ dan نِيفٌ juga termasuk dalam kategori *al-‘adad al-mufrad*.


Dalam bab ini, akan dibincangkan secara terperinci semua peraturan yang berkaitan dengan *al-‘adad al-mufrad*, dengan membahagikannya mengikut pecahan yang sesuai untuk memudahkan lagi penjelasan mengenai tajuk ini. Walau bagaimanapun perbincangan

mengenai al-‘adad ^{المِئَةُ} serta gandaannya akan diletakkan di akhir perbincangan bab ini, disebabkan kesesuaian perbahasan mengenainya untuk dikemudiankan.

3.4.1.1 Al-‘Adad Al-Mufrad : الواحد (Satu) Dan الاثنان (Dua)

Contoh:


(1)


(2)

(3) عِنْدِي قَلَمٌ وَاحِدٌ

(4) هَذِهِ زَهْرَةٌ وَاحِدَةٌ

(5) عِنْدِي قَلَمَانِ اثْنَانِ

(6) عِنْدِي زَهْرَتَانِ اثْنَتَانِ

Mengikut peraturan Nahu BA, al-‘adad tidak disyaratkan untuk disebut bagi menjelaskan jumlah bilangan di antara الواحد (satu) dan الاثنان (dua) sepertimana di dalam contoh (1) dan (3) di atas. Hal ini demikian kerana, kata nama tunggal seperti إله dan قلمٌ dengan sendirinya telah menunjukkan maksud bilangan satu. Tanda baris dua di hadapan pada perkataan tersebut memberi makna semantik satu. Sama seperti tanda ta:’ al-marbu:taṭ pada perkataan زهرة memberi maksud bilangan satu atau tunggal. Begitulah juga halnya dengan kata bilangan pada contoh (2), (5) dan (6) زَوْجَيْنِ - زَهْرَتَانِ - قَلَمَانِ juga tidak memerlukan

kepada *al-‘adad* kerana *alif al-ithnayn* (ان) di hujungnya berfungsi menunjukkan kata bilangan pendua.

Menurut Ibn ‘Usfu:r (1998, Vol.2:122), *al-‘adad* الْوَاحِدَ ، الْإِثْنَانِ ، الْوَاحِدَةَ ، الْإِثْنَانِ ، لا تُنْتَانِ tidak boleh diletakkan di hadapan *al-ma‘du:d* selama-lamanya. Ini kerana menyebut *al-ma‘du:d*nya sahaja sudah memadai. Sekiranya disebut di hadapan *al-ma‘du:d*, nescaya itu satu kesalahan. Tidakkah kamu lihat apabila kamu berkata “رَجُلٌ” sudah memberi maksud “satu lelaki”. Begitulah juga sekiranya kamu berkata “امْرَأَةٌ” juga sudah memberi maksud “satu wanita”. Apabila kamu berkata “رَجُلَانِ” sudah memberi maksud “dua lelaki”. Begitulah juga halnya sekiranya kamu berkata “امْرَأَتَانِ” sudah memberi maksud “dua wanita”. Oleh yang demikian, tidak diharuskan meletakkannya di hadapan *al-ma‘du:d* melainkan kerana kepentingan dalam syair sepertimana kata penyair:

كَأَنَّ خُصْيِيَّهِ مِنَ التَّدْلِيلِ ظَرَفُ عَجُوزٍ فِيهِ ثِنْتَا حَنْظَلٍ

Maksudnya: *Dua biji telurnya seakan-akan karung perempuan tua yang mana di dalamnya ada dua biji buah hanzal yang terhayun lemah.*


Sepatutnya, di dalam *bayt* ini penyair menyebut “حَنْظَلَانِ”. Akan tetapi, oleh kerana ada unsur-unsur kepentingan kerana menjaga rima dan seumpamanya, penyair mengumpulkan kedua-dua *al-‘adad* serta *al-ma‘du:d*nya di sini dan meletakkan *al-‘adad* mendahului *al-ma‘du:d*. Kemudian penyair menggunakan *al-ma‘du:d* itu dengan lafaz yang mufrad supaya kewujudan lafaz *al-‘adad* di sini ada fungsi leksikalnya.

‘Abduh al-Ra:jihiyy (a) (1988:401) menyebut, orang-orang Arab tidak menggunakan kedua-dua *al-‘adad* ini. Ini kerana kata nama tunggal dan kata nama pendua sudah

menunjukkan makna satu dan makna dua. Akan tetapi kedua-duanya digunakan selepas kata nama sebagai *al-na‘at* atau kata sifat kepada *al-ma‘du:d*.

Sekiranya disebut juga *al-‘adad* di dalam contoh-contoh ini, maka *al-‘adad* akan menyamai *al-ma‘du:d* daripada aspek maskulin atau feminin kerana *al-‘adad* ketika itu adalah merupakan *al-na‘at* kepada *al-ma‘du:d*. Sudah menjadi kelaziman bagi *al-na‘at* untuk mengikut *al-man‘u:tnya* dalam semua aspek. *Al-na‘at* kepada *al-ma‘du:d* maskulin, digunakan lafaz اثنان ، واحد ، dan *al-na‘at* kepada *al-ma‘du:d* feminin, digunakan lafaz واحدة ، اثنان ، atau اثنتان sepertiimana yang dapat diperhatikan dalam contoh-contoh di atas.

Menurut ‘Umar bin ‘I:sa al-Haramiyy (2005,Vol.2:962), *al-na‘at* dalam keadaan ini berfungsi sebagai penguat ayat (*al-tawki:d*). Beliau membawakan beberapa contoh antaranya firman Allah Ta‘a:la (su:raṭ al-Ha:qqaṭ ayat 13)


 سورة الحاقة : 13

Maksudnya: (Kemudian ketahuilah bahawa apabila ditiup sangkakala dengan sekali tiup)


Dalam ayat ini, *al-‘adad* واحدة datang dalam kasus nominatif sebagai *al-na‘at* kepada نفخة. Lafaz *al-na‘at* dalam ayat ini tidak mempunyai fungsi lain melainkan sebagai penguat ayat. Hal ini demikian kerana, sudah diketahui yang نفخة (tiupan) itu adalah sekali dengan hanya perkataan نفخة berkenaan, tanpa memerlukan *al-‘adad* واحدة. Begitu juga dengan firman-Nya (su:raṭ al-Anbiya:’ ayat 92)


 سورة الأنبياء: 92

Maksudnya: *(Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya)*

Dalam ayat ini, *al-‘adad* وَاحِدَةً datang dalam kasus akusatif sebagai *al-na‘at* kepada أُمَّة. *Al-‘adad* ini juga tidak mempunyai fungsi lain melainkan sebagai penguat ayat. Hal ini demikian kerana, telah diketahui yang dimaksudkan أُمَّة (agama) itu adalah satu dengan perkataan أُمَّة itu sendiri.


Menurut Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t (2007, Vol.3:319), kadang-kadang *al-‘adad* jenis ini boleh mengambil alih tempat *al-ma‘du:d* sekiranya *al-ma‘du:d* digugurkan. Ini dapat kita perhatikan dalam beberapa ayat al-Qur’an. Antaranya ialah firman Allah Ta‘a:la (su:rat al-Nisa:’ ayat 11)



Maksudnya: *(tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati)*

Asal ayat ini ialah فَوْقَ امْرَأَتَيْنِ اثْنَتَيْنِ, kemudian digugurkan lafaz امْرَأَتَيْنِ yang bersifat genitif kerana berkedudukan sebagai *muda:f* kepada perkataan فَوْق sebelumnya. Tanda genitifnya ialah ya:’ kerana ianya adalah kata nama pendua.

Di antaranya juga ialah firman Allah Ta‘a:la (su:rat al-Nu:r ayat 2)



Maksudnya: (Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap **seorang** dari keduanya seratus kali sebat)

Asal ayat ini ialah: كُلَّ زَانٍ وَزَانٍ مِنْهُمَا, kemudian digugurkan lafaz زَانٍ yang berada dalam kasus genitif sebagai kata nama genitif dengan partikel كُلَّ.

Manakala dalam firman-Nya (su:rat al-Nisa:’ ayat 3)



Maksudnya: (kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) **seorang** sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki)

Asalnya ialah: فَانْكِحُوا امْرَأَةً وَاحِدَةً, kemudian digugurkan lafaz امْرَأَةً yang berada dalam kasus akusatif sebagai *al-maf’u:l bihi*.

3.4.1.2 I’ra:b Al-‘Adad Al-Mufrad : الواحد (Satu) Dan الاثنان (Dua)

Al-ma’dud dalam bahagian ini semuanya dii’rabkan berdasarkan kedudukannya di dalam ayat. Sekiranya al-‘adad disebut selepas *al-ma’dudnya*, al-‘adad tersebut dii’rabkan sebagai *al-na’at* atau kata sifat. Ini bermakna sekiranya al-‘adad itu وَاحِدٌ dan berada

dalam kasus nominatif, *al-‘adad* tersebut dibaca dengan tanda baris *dammaṭ*. Sekiranya *al-‘adad* berada dalam kasus akusatif, *al-‘adad* tersebut dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* dan sekiranya *al-‘adad* berada dalam kasus genitif, maka *al-‘adad* tersebut dibaca dengan tanda baris *kasraṭ*.

Contoh bagi ketiga-tiga keadaan tersebut boleh dijelaskan melalui ayat di bawah:

- (1) بَحَّحَ طَالِبٌ وَاحِدٌ
- (2) شَاهَدْتُ مُعَلِّمَةً وَاحِدَةً
- (3) مَرَرْتُ بِسَيَّارَةٍ وَاحِدَةٍ

Dalam contoh (1) di atas, perkataan طَالِبٌ dibaca dengan tanda baris *dammaṭ*. Hal ini demikian kerana ianya berada dalam kasus nominatif sebagai *al-fa:‘il*. Manakala *al-‘adad* وَاحِدٌ juga dibaca dengan tanda baris *dammaṭ* kerana ianya merupakan *al-na‘at* kepada kata nama sebelumnya. Sememangnya *al-na‘at* dalam BA sentiasa melazimi semua ciri-ciri kata nama sebelumnya sama ada daripada aspek maskulin atau feminin atau daripada aspek *nakiraṭ* atau *ma‘rifaṭ* ataupun daripada aspek mufrad, kata pendua atau kata jama‘. (Mahmu:d Husayniy Magha:lasa:ṭ, 1991:376)

Dalam contoh (2) di atas, perkataan مُعَلِّمَةً dibaca dengan tanda baris *fathaṭ*. Hal ini demikian kerana perkataan berkenaan berada dalam kasus akusatif sebagai *al-maf‘u:l bihi*. Manakala *al-‘adad* وَاحِدَةً juga dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* kerana ianya merupakan *al-na‘at* kepada kata nama sebelumnya.

Kalau diperhatikan kepada contoh (3) pula, perkataan سَيَّارَةٍ dibaca dengan tanda baris *kasraṭ*. Hal ini demikian kerana ianya berada dalam kasus genitif sebagai kata nama

majru:r dengan partikel *jarr* ﺃَ sebelumnya. Manakala *al-‘adad* وَاحِدَةٌ juga dibaca dengan tanda baris *kasrat* kerana ianya merupakan *al-na‘at* kepada kata nama sebelumnya.

Bagi *al-‘adad* اثنان pula, sekiranya berkedudukan dalam kasus nominatif, ianya dibaca dengan tanda alif (ا) dan dibaca dengan *ya:’* (ي) ketika berkedudukan dalam kasus akusatif dan genetif. Hal ini demikian kerana *al-‘adad* ini adalah *mulhaq* kata nama pendua (*al-mulhaq bi al-muthanna:’*).

Contoh-contoh berikut boleh menjelaskan lagi kesemua kedudukan berkenaan:

- (1) نَجَحَ طَالِبَانِ اثنانِ
- (2) شَاهَدْتُ فَتَيَيْنِ اثنَيْنِ
- (3) دَرَسْتُ فِي مَدْرَسَتَيْنِ اثنَيْنِ

Dalam contoh (1) di atas, perkataan طَالِبَانِ dibaca dengan tanda alif. Hal ini demikian kerana ianya adalah kata nama pendua yang berada dalam kasus nominatif sebagai *al-fa:‘il* dan tanda nominatif bagi kata nama pendua ialah alif. Manakala *al-‘adad* اثنان juga dibaca dengan tanda alif kerana ianya kata nama pendua yang berkedudukan sebagai *al-na‘at* kepada kata nama sebelumnya.

Manakala dalam contoh (2), perkataan فَتَيَيْنِ dibaca dengan tanda *ya:’* kerana daripada segi *i‘ra:b*, ianya berada dalam kasus akusatif sebagai *al-maf‘u:l bihi*. Tanda akusatif bagi kata nama pendua ialah *ya:’*. Perkataan اثنَيْنِ selepasnya juga dibaca dengan tanda *ya:’* kerana

ianya adalah kata nama pendua yang berfungsi sebagai *al-na‘at* kepada kata nama sebelumnya.

Dalam contoh (3), perkataan مَدْرَسَتَيْنِ juga dibaca dengan tanda genitif ya:’. Hal ini demikian kerana ianya kata nama pendua yang berkedudukan daripada segi *i‘ra:b* sebagai kata nama *majru:r* kepada partikel *jarr* فِي sebelumnya. Manakala perkataan اُنْتَيْنِ selepasnya juga dibaca dengan tanda genitif ya:’ kerana berkedudukan sebagai kata nama pendua yang menjadi *al-na‘at* kepada kata nama sebelumnya.

Dari sini jelas kepada kita bahawa *al-ma‘du:d* dalam bahagian ini semuanya dii‘rabkan berdasarkan kedudukannya di dalam ayat sepertimana yang telah dihuraikan di atas. Manakala *al-‘adad*, sekiranya disebut selepas daripada *al-ma‘du:d*, dii‘rabkan sebagai *al-na‘at* kepada *al-ma‘du:d* berkenaan.



JADUAL 3.1 Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad الواحد Dan الاثنان

<i>Al-ma‘du:d</i>	<i>Al-‘adad</i>
- Dii‘rab berdasarkan kedudukan dalam ayat - Kata nama mufrad: nominatif dengan <i>dammat</i>, akusatif dengan <i>fathat</i> dan genitif dengan <i>kasrat</i> - Kata nama pendua: nominatif dengan alif (ا), akusatif dan genitif dengan ya:’ (ي)	- Tidak disyaratkan menyebut <i>al-‘adad</i> واحد dan اثنان dalam ayat. - Sekiranya disebut, berperanan sebagai <i>al-na‘at</i> kepada <i>al-ma‘du:d</i> sebelumnya - Sebagai <i>al-na‘at</i>, mengikut <i>al-ma‘du:d</i> daripada semua aspek, feminin atau maskulin, <i>nakirat</i> atau <i>ma‘rifat</i> atau daripada aspek mufrad, kata pendua atau

	kata jama‘
--	------------

3.4.1.3 Al-‘Adad al-Mufrad: الثلاث (Tiga) Hingga العشرة (Sepuluh)

Contoh:

- (1) 
- (2) 
- (3) 
- (4) 

Jika diperhatikan di dalam contoh-contoh di atas, didapati kedua-dua *al-‘adad* dan *al-ma‘du:d* mesti disebut dalam contoh-contoh ini. *Al-‘adad* disebut terlebih dahulu kemudian diikuti dengan *al-ma‘du:d*. Keadaan ini berbeza dengan *al-‘adad* الواحد dan الاثنان yang telah dibincangkan sebelum ini.

Al-‘adad dalam kata bilangan الثلاث (tiga) hingga العشرة (sepuluh) ini adalah saling bercanggahan dengan *al-ma‘du:dnya* daripada segi maskulin dan feminin. Sekiranya *al-‘adad* adalah feminin, *al-ma‘du:d* mestilah maskulin sepertimana dalam contoh (1) dan (3). Sebaliknya, sekiranya *al-‘adad* adalah maskulin, maka *al-ma‘du:d* selepasnya mestilah feminin sepertimana dalam contoh (2) dan (4).

Dalam contoh (1) dan (3), perkataan أَيَّامٍ dan رِجَالٍ adalah kata nama jama' daripada perkataan يَوْمٌ dan رَجُلٌ yang merupakan kata nama maskulin. Oleh yang demikian, *al-'adad* feminin iaitu perkataan ثَلَاثَةٌ dan سِتَّةٌ digunakan. Manakala dalam contoh (2) dan (4), perkataan لَيَالٍ dan زَهْرَاتٍ adalah kata nama jama' daripada perkataan لَيْلٌ dan زَهْرَةٌ yang merupakan kata nama feminin. Oleh yang demikian, *al-'adad* yang digunakan di dalam kedua-dua contoh ini adalah *al-'adad* maskulin iaitu perkataan ثَلَاثٌ dan سَبْعٌ.

Di dalam al-Qur'an ada satu ayat yang menggabungkan kedua-dua situasi ini, iaitu perbezaan aspek maskulin feminin di antara *al-'adad* dengan *al-ma'du:d* secara serentak iaitu firman Allah Ta'a:la dalam su:rat al-Haqqat ayat 7 :

سَبْعٌ مِائَاتٍ أَلْفٌ نَحْوُ مِائَةِ ثَلَاثَةِ أَلْفٍ وَمِائَةٍ عَشْرٍ وَأَلْفٍ عَشَرَ
سورة الحاقة: 7

Maksudnya: Yang diarahkannya menyerang mereka **tujuh** malam **lapan** hari terus-menerus

Menurut Wahbat al-Zuhayliyy (1991, Vol.29:82) ta:' lambang feminin (*ta:' al-ta'nith*) dibuang daripada *al-'adad* سَبْعٌ (tujuh) dan dikekalkan dalam *al-'adad* ثمانية (lapan) kerana kata nama اليالي di dalam ayat ini adalah kata nama jama' feminin dan kata nama الأيام adalah kata nama jama' maskulin.

Suatu yang perlu dijelaskan di sini, sepertimana yang dicatatkan oleh Imi:l Badi:' Ya'ku:b (2000:444) ialah peraturan terhadap *al-'adad* daripada segi maskulin atau femininnya tidak dilihat pada lafaz *al-ma'du:d*, sekiranya *al-ma'du:d* tersebut dalam situasi kata nama jama'. Sebaliknya dilihat kepada kata nama tersebut dalam keadaan kata nama tunggalnya. Oleh

yang demikian, ayat seperti *خَمْسَةُ حَمَامَاتٍ* (*lima bilik mandi*) dengan menjadikan *al-‘adad* berkenaan feminin (*خَمْسَةُ*) adalah betul. Sedangkan *al-ma‘du:d* (*حَمَامَاتٍ*) juga kata nama feminin. Hal ini demikian kerana kata nama tunggal bagi *al-ma‘du:d* berkenaan (*حَمَام*) adalah maskulin. Begitulah juga dengan perkataan lain yang hampir serupa seperti *اسْطَبْلٌ — اسْطَبْلَات ، جُنَيْهٌ — جُنَيْهَات ، رِيَالٌ — رِيَالَات ، نَافِذَةٌ — نَوَافِذ ، مَقْعَدٌ — مَقَاعِد* dan sebagainya.

Inilah yang dimaksudkan oleh Ibn ‘Usfu:r (1998, Vol.2:138) apabila beliau berkata “*yang diambil kira bagi kata nama jama‘ ialah keadaannya semasa dalam keadaan kata nama tunggal, bukannya dalam keadaan lafaz jama‘nya.*”


3.4.1.3.1 Cara Menulis Al-‘Adad ثَمَانِيَّة (Lapan)

Al-‘adad ثَمَانِيَّة (lapan) merupakan salah satu daripada *al-‘adad* yang tergolong dalam kelompok *al-‘adad al-mufrad*. *Al-‘adad* ini mempunyai cara khusus dalam menulisnya, yang melibatkan huruf *ya:’* (ي) di tengahnya yang berbeza dalam beberapa keadaan, terutamanya apabila melibatkan maskulin atau feminin dan juga apabila diida:fatkan kepada kata nama lain selepasnya. Hal ini demikian kerana, sepertimana yang disebut oleh Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t (2007, Vol.3:335) binaan katanya menyamai binaan kata *si:ghat muntaha: al-jam‘* dan *al-‘adad* ini pula merupakan kata nama tidak sempurna (*al-ism al-manqu:s*). Orang-orang Arab menggunakan kata nama dengan binaan ini dengan berbagai-bagai cara dalam kalangan mereka.

Peraturan-peraturan berkenaan boleh dijelaskan seperti berikut:


a) Al-‘Adad ثَمَانِيَّة Dalam Keadaan Feminin

Sepertimana *al-‘adad al-mufrad* di antara ثلاث hingga عشرة yang lain, *al-ma’dud* bagi *al-adad* ثمانية adalah bercanggahan dengan *al-‘adad* daripada aspek maskulin dan feminin. Dalam keadaan *al-ma’dud* maskulin, lafaz ثمانية feminin digunakan, iaitu berakhir dengan huruf ta:’ *al-marbu:taṭ*. Ta:’ *al-marbu:taṭ* dalam keadaan ini menerima semua tanda i’ra:b, sama ada akusatif, nominatif atau genitif atau tanda baris *fathaṭ* apabila dalam keadaan *mabniy*, bagi membentuk *al-‘adad al-murakkab*. Dan ya:’ di tengahnya disebut seperti biasa iaitu dengan menyebutnya dengan tanda baris *fathaṭ* (ثمانية). Ayat-ayat di bawah boleh menjelaskan lagi situasi ini.



 (1)

Maksudnya: (binatang ternak itu) **lapan** ekor; dari kambing biri-biri dua ekor dan dari kambing biasa dua ekor)



 (2)

Maksudnya: (dan Arasy tuhanmu pada saat itu dipikul oleh **lapan** malaikat)

Dalam contoh (1) di atas, *al-‘adad* ثمانية dibaca dengan tanda baris *fathaṭ*. Hal ini demikian kerana ia berada dalam kasus akusatif sebagai *badal* kepada perkataan حَمُولَةً وَفَرَسًا dalam ayat sebelumnya (Muhyi al-Di:n al-Darwi:sh:1994, Vol.3:254).

Manakala dalam contoh (2), *al-‘adad* ثمانية dibaca dengan tanda baris *dammāt* kerana berada dalam kasus nominatif sebagai *al-fa:’il* kepada kata kerja يَحْمِلُ (Muhyi al-Di:n al-

Darwi:sh:1994,Vol.10:195). Di sini jelas kepada kita bahawa dalam keadaan feminin, ya:’ di tengah *al-‘adad* ثَمَانِيَّةٌ dikekalkan dalam semua keadaan.


b) Al-‘Adad ثمانية Dalam Keadaan Maskulin

Dalam keadaan maskulin (ثَمَانِي), iaitu *al-‘adad* ini tidak diakhiri dengan *ta:’ al-marbu:taṭ*, ada sedikit perbincangan mengenai kedudukan *ya:’* di akhirnya. Perbincangan berkenaan adalah seperti berikut:

- 1- Sekiranya ثَمَانِي *muda:f* iaitu disandarkan kepada satu kata nama lain selepasnya, *ya:’nya* dikekalkan dan dii’rabkan sebagai kata nama tidak sempurna (*al-ism al-manqu:s*) iaitu dengan tanda baris dammat yang diandaikan (*al-dammat al-muqaddarat*) ketika dalam keadaan nominatif, dengan tanda baris kasrat yang diandaikan (*al-kasrat al-muqaddarat*) dalam keadaan genitif dan dengan tanda baris *fathaṭ* yang jelas (*al-fathaṭ al-za:hirat*) dalam keadaan akusatif. Contohnya ayat berikut: ثَمَانِي طَالِبَاتٍ حَضَرْنَ الْيَوْمَ (*lapan pelajar perempuan hadir hari ini*). Perkataan ثَمَانِي berada dalam kasus nominatif sebagai *al-mubtada:’* dan tanda nominatifnya ialah *dammāt* yang diandaikan di akhirnya.

Dalam ayat اسْتَمَعْنَا إِلَىٰ إِجَابَةِ ثَمَانِي طَالِبَاتٍ, (*kami mendengar jawapan lapan pelajar perempuan*), perkataan ثَمَانِي berada dalam kasus genitif sebagai *muda:f ilayhi* dan tanda genitifnya ialah *kasrat* yang diandaikan.

Firman Allah Ta’a:la dalam su:raṭ al-Qasas : 27



سورة القصص : 27

Maksudnya: (*Dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama **lapan** tahun*)
 Perkataan ثَمَانِي di dalam ayat ini dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *zaraḥ zama:n*. Tanda akusatifnya ialah baris *fathaṭ* yang nyata di akhirnya. (Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t, 2007, Vol.3:337)

- 2- Sekiranya ثَمَانِي bergabung dengan عَشْرَة membentuk *al-‘adad al-murakkab*, ثَمَانِي عَشْرَة dalam situasi ini, mengikut pendapat yang paling kuat, ya:’ dikekalkan. Hal ini demikian kerana ianya *al-‘adad al-murakkab* dan kedua-dua bahagian *al-‘adad al-murakkab* sentiasa mabniy dengan *fathaṭ* (*mabniy ‘ala: al-fath al-juz’ayn*). Menurut Ibn Ma:lik (2000, Vol.2:193), ada pendapat mengatakan dijusifkan ya:’ itu ثَمَانِي عَشْرَة dan ada juga pendapat yang mengatakan dibuang terus ya:’ itu dan dibaca huruf nu:n (ن) di akhirnya dengan baris *kasraṭ* sebagai ganti ya:’ yang digugurkan ثَمَانِ عَشْرَة. Tetapi pendapat yang diterima dalam kalangan nahuan menurut Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t (2007, Vol.3:337) ialah pendapat yang pertama iaitu dikekalkan ya:’ dan dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* sepertimana kebiasaannya bagi *al-‘adad al-murakkab*.
- 3- Sekiranya ثَمَانِي maskulin ini dalam keadaan tunggal, iaitu bukan *muda:f* dan bukan juga *al-‘adad al-murakkab*, maka sekalian nahuan berpendapat ianya digunakan sepertimana kata nama *si:ghaṭ muntaha: al-jumu:’* yang tidak sempurna (*al-manqu:s*) dengan pola مَفَاعِل, iaitu dibuang ya:’nya ketika dalam keadaan nominatif dan genitif dan digantikan ya:’ itu dengan tanda baris dua di bawah pada huruf akhirnya; nu:n (ن) menjadi ثَمَانٍ. Atau dikekalkan ya:’ dengan tanda baris *fathaṭ* apabila dalam keadaan akusatif ثَمَانِي. Contoh bagi setiap situasi itu adalah seperti berikut:

(1) حَضَرَ إِلَيْنَا ثَمَانٍ مِنَ الْفَتَيَاتِ

(2) ذَهَبْنَا مَعَ ثَمَانٍ مِنَ الْمُدْرَسَاتِ

(3) فَتَحْنَا ثَمَانِي مِنَ التَّوَاغِي

Inilah pendapat kebanyakan nahuan Arab. Menurut Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t (2007,Vol.3:337) ada juga sesetengah orang Arab yang menggunakan *al-‘adad* ثَمَانِي maskulin ini sebagaimana kata nama *mu‘rab* iaitu mengikut kedudukannya dalam ayat dan mereka menggunakannya seperti berikut; ثَمَانٌ, sekiranya berada dalam kasus nominatif, ثَمَانٍ sekiranya berada dalam kasus genitif dan ثَمَانًا sekiranya berada dalam kasus akusatif.

3.4.1.3.2 Cara Menulis Al-‘Adad الْعَشْرَة (Sepuluh)

Selain *al-‘adad* ثَمَانِيَّة yang mempunyai perbincangan yang agak panjang lebar, *al-‘adad* عَشْرَة (*sepuluh*) juga mempunyai beberapa peraturan tersendiri yang perlu dikuasai oleh pelajar yang mempelajari BA. Perbincangan berkaitan dengan *al-‘adad* ini tertumpu kepada huruf shi:n (ش) yang berada di tengah-tengah aksaranya.

Menurut Imi:l Badi:‘ Ya‘ku:b (tt:221) huruf shi:n (ش) pada *al-‘adad* (عَشْر) maskulin, dibaca dengan tanda baris mati (jusif) [عَشْر] apabila tergolong dalam kata tunggal dan dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* (akusatif) apabila tergolong dalam kata gabungan (*murakkab*) seperti أَحَدَ عَشْر. Manakala huruf shi:n (ش) pada angka feminin (عَشْرَة) pula dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* apabila digunakan sebagai kata tunggal seperti [عَشْرَة] dan boleh dibaca dengan tanda baris mati (jusif) [إِحْدَى عَشْرَة] atau tanda baris *fathaṭ* (akusatif) [إِحْدَى عَشْرَة]

atau tanda baris kasraṭ (genitif) [إْحْدَى عَشْرَةَ] apabila digunakan sebagai kata nama gabungan. (Ibn ‘Usfu:r (1998,Vol.2:126).

Menurut Ibn Ma:lik (2000,Vol.2:191), membariskan huruf shi:n dengan tanda baris *kasraṭ* apabila digunakan dalam *al-‘adad al-murakkab* إْحْدَى عَشْرَةَ digunakan oleh Bani: Tami:m. Manakala orang-orang Hija:z mematikan huruf shi:n berkenaan dalam situasi itu. Menurut Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t (2007,Vol.3:225), Bani: Tami:m membariskan huruf shi:n dengan kasraṭ kerana untuk mengelak daripada terkumpulnya empat baris *fathaṭ* secara berturut-turut.

3.4.1.4 I‘ra:b Al-‘Adad al-Mufrad: الثلاث (Tiga) Hingga العشرة (Sepuluh)

Al-‘adad dalam bahagian ini dii‘rabkan berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Ini bermakna, al-‘adad boleh berbaris *dammāṭ* ketika berada dalam kasus nominatif, berbaris *fathaṭ* ketika berada dalam kasus akusatif atau berbaris *kasraṭ* ketika berada dalam kasus genitif, berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Seterusnya *al-‘adad* ini dii‘rabkan sebagai *muda:f* dan *al-ma‘du:d* selepasnya dii‘rabkan sebagai *muda:f ilayhi* yang dibaca dengan tanda baris *kasraṭ* kerana berada dalam kasus genitif.

Suatu yang pasti ialah *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad* bahagian ini mestilah kata nama jama‘ dan tidak boleh digunakan kata nama tunggal atau kata nama pendua.

Contoh *i‘ra:b* bagi *al-‘adad* bahagian ini boleh dijelaskan melalui firman Allah Ta‘a:la di dalam su:raṭ Yu:suf ayat 43 di bawah:

dibaca dengan tanda genitif. Semuanya bergantung kepada kedudukannya dalam ayat. *Al-ma'du:d* selepasnya sentiasa dii'rabkan sebagai *muda:f ilayhi* dan sudah menjadi kelaziman bagi *muda:f ilayhi* dibaca secara genitif.

JADUAL 3.2: Ringkasan I'ra:b Bagi Al-'Adad العشرة الثلاث Hingga الثلاث

العشرة الثلاث Hingga الثلاث Al-'adad	Al-ma'du:d
Dii'rab berdasarkan kedudukan dalam ayat sama ada nominatif ـُ , akusatif ـَ atau genitif ـِ Al-'adad ini adalah <i>muda:f</i>	<i>Al-ma'du:d</i> mestilah kata nama jama' Berbaris <i>kasrat</i> kerana berada dalam kasus genitif sebagai <i>muda:f ilayhi</i>

3.4.2 Al-'Adad Al-Murakkab (العَدَدُ الْمُرَكَّبُ)

Al-'adad al-murakkab ialah al-'adad yang terdiri daripada angka أَحَدَ عَشَرَ (sebelas) sehingga angka تِسْعَةَ عَشَرَ (sembilan belas) iaitu ، أَرْبَعَةَ عَشَرَ ، ثَلَاثَةَ عَشَرَ ، اثنَا عَشَرَ ، تِسْعَةَ عَشَرَ dan خَمْسَةَ عَشَرَ ، سِتَّةَ عَشَرَ ، سَبْعَةَ عَشَرَ ، ثَمَانِيَةَ عَشَرَ .

Al-'adad ini terdiri daripada dua bahagian sepertimana yang dinyatakan di dalam gambar rajah di bawah:

Bahagian Kedua	Bahagian Pertama
عَشَرَ	أَحَدَ

عَشْرَةَ	إِحْدَى
عَشْرَةَ	تِسْعَ
عَشَرَ	تِسْعَةَ

Bahagian pertama:


Bahagian pertama ini dinamakan *al-nayf* atau *al-sadru* dan dii‘rabkan mengikut kedudukan di dalam ayat. Contohnya dalam ayat: جَاءَ أَحَدَ عَشَرَ طَالِبًا (*telah datang sebelas orang pelajar*). Perkataan أَحَدَ dii‘rabkan sebagai *mabniy* dengan *fathat* pada kedudukan nominatif kerana berfungsi sebagai *al-fa‘il*.

Al-‘adad bahagian pertama ini tidak selalu dii‘rabkan dalam kasus nominatif, malah kadang-kadang dalam kasus akusatif dan kadang-kadang dalam kasus genitif. Yang demikian itu adalah berdasarkan kepada kedudukannya dalam ayat.

Bahagian kedua:

Bahagian yang kedua ini dinamakan *al-‘iqdu* atau *al-‘ujuz*. Menurut Ibra:hi:m Ibra:hi:m Baraka:t, (2007, Vol.3:316), bahagian kedua *al-‘adad al-murakkab*, kata nama *mabniy* yang berada dalam kasus genitif sebagai *muda:f ilayhi* kepada *al-‘adad* bahagian pertama. Akan tetapi untuk tujuan memudahkan, dianggapkanlah kedua-dua bahagian *al-‘adad al-murakkab* sebagai satu kata nama dan dii‘rab kedua bahagian ini sebagai *mabniy* dengan *fathat*. Pada hakikatnya, bahagian kedua adalah *mabniy* dan tidak mempunyai *i‘ra:b*. Begitulah juga halnya dengan *al-‘adad al-murakkab* yang lain.

Manakala *al-ma'du:d* bagi *al-adad al-murakkab* ini sentiasa dalam keadaan kata nama tunggal (*mufrad*) yang dibaca dengan tanda baris *fathat* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*. *Al-ma'du:d* ini tidak boleh sama sekali kata nama jama'. Mengenai dengan firman Allah Ta'a:la dalam su:rat al-A'ra:f ayat 16 :



سورة الأعراف : 160

Maksudnya: (Dan Kami membahagikan mereka (Bani Israil) menjadi **dua belas** suku, sebagai golongan-golongan besar)

Menurut Ibn 'Usfu:r (1998, Vol.2:128), lafaz *أَسْبَاطًا* dalam ayat ini bukanlah *al-tamyi:z* kepada *al-'adad* اثْنَيْ عَشَرَ. Dalil yang menunjukkan yang demikian ialah kata nama mufrad bagi perkataan *أَسْبَاطًا* ialah *سِبْطٌ* iaitu dalam bentuk kata nama maskulin. Sepatutnya ayat ini dibaca اثْنِي عَشَرَ *أَسْبَاطًا*. Maka firman-Nya اثْنَيْ عَشَرَ dengan *al-'adad* feminin menunjukkan bahawa *أَسْبَاطًا* bukan *al-tamyi:z* bagi *al-'adad* dalam ayat ini, sebaliknya *al-tamyi:z*nya telah digugurkan. Seakan-akan firman-Nya yang asal ialah: اثْنَيْ عَشَرَ فِرْقَةً *أَسْبَاطًا*. Dan lafaz *أَسْبَاطًا* dalam keadaan ini berfungsi sebagai *badal* kepada اثْنَيْ عَشَرَ.

Sekiranya dilihat kepada keadaan kedua-dua bahagian ini, iaitu *al-nayf* dan *al-iqdu*, kita boleh membahagikan *al-'adad al-murakkab* ini kepada dua kategori iaitu *al-'adad* أَحَدَ عَشَرَ dan ثَلَاثَةَ عَشَرَ serta baki *al-'adad al-murakkab* yang lainnya yang terdiri daripada تِسْعَةَ عَشَرَ.

Bagi *al-'adad* أَحَدَ عَشَرَ dan اثْنَا عَشَرَ, kedua-dua bahagian *al-'adad* melazimi *al-ma'du:d* daripada segi maskulin atau feminin. Sekiranya *al-ma'du:d* maskulin, maka kedua-dua

bahagian *al-‘adad* ini juga maskulin dan sebaliknya sekiranya *al-ma‘du:d*nya feminin, kedua-dua bahagian *al-‘adad* juga feminin.

Manakala bagi *al-‘adad al-murakkab* yang lain, (ثَلَاثَةَ عَشَرَ – تِسْعَةَ عَشَرَ) bahagian yang pertama iaitu *al-nayf* sentiasa berbeza dengan *al-ma‘du:d* daripada aspek feminin dan maskulin. Sementara bahagian kedua iaitu *al-‘iqdu* mengikut *al-ma‘du:d* dalam aspek ini.

Oleh kerana ada perbezaan pada kedua-dua bahagian *al-nayf* dan *al-‘iqdu* atau *al-‘ujuz* ini apabila bergabung dengan *al-ma‘du:d*, maka perbincangan mengenai *al-‘adad al-murakkab* ini juga akan dibahagikan kepada beberapa sub tajuk untuk memperincikan perbahasannya.

3.4.2.1 Al-‘Adad Al-Murakkab: أحد عشر (Sebelas)

Contoh:

﴿ ١ ٢ ٣ ٤ ٥ ٦ ٧ ٨ ٩ ١٠ ١١ ﴾

(1)

﴿ سورة يوسف: 4 ﴾

(2) رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ طَالِبًا

(3) رَأَيْتُ إِحْدَى عَشْرَةَ طَالِبَةً

Al-‘adad dan *al-ma‘du:d* mesti disebut dalam bahagian ini sepertimana contoh-contoh di atas. *Al-‘adad* dan *al-ma‘du:d*, terdiri daripada dua bahagian iaitu *al-nayf* dan juga *al-‘iqdu*. Kedua-dua bahagian ini mesti bersamaan dengan *al-ma‘du:d* daripada aspek maskulin dan juga feminin. Sekiranya *al-ma‘du:d* maskulin, maka kedua-dua bahagian *al-‘adad* mesti juga maskulin. Dan sekiranya *al-ma‘du:d* feminin, maka kedua-dua bahagian *al-‘adad* juga mesti feminin.


Ketika maskulin, lafaz أَحَدَ عَشَرَ digunakan sepertimana dalam contoh (1) dan (2) di atas, manakala ketika feminin, lafaz اِحدى عَشَرَ digunakan sepertimana dalam contoh (3) di atas. Manakala *al-ma'du:d* mestilah kata nama tunggal yang bersifat akusatif.

3.4.2.2 I'ra:b Al-'Adad Al-Murakkab: أَحَدَ عَشَرَ (Sebelas)

Al-'adad اِحدى عَشَرَ ، أَحَدَ عَشَرَ dii'rabkan sebagai kata nama *mabniy* kedua bahagiannya dengan *fathat* (*mabniy 'ala: al-fath al-juz'ayn*) selama-lamanya, pada semua kedudukan sama ada dalam kasus nominatif, dalam kasus akusatif atau dalam kasus genitif, berdasarkan kedudukannya dalam ayat.

Al-ma'du:d selepasnya pula ialah kata nama tunggal (*mufrad*) yang dii'rabkan sebagai *al-tamyi:z* yang berada dalam kasus akusatif.

Contoh i'ra:b bagi *al-'adad* bahagian ini boleh dijelaskan melalui ayat 4 su:rat Yu:suf di bawah ini:



سورة يوسف: 4

Maksudnya: (*ingatlah peristiwa*) ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku! sesungguhnya Aku mimpi melihat **sebelas** bintang dan matahari serta bulan)

Dalam ayat di atas, *al-'adad* أَحَدَ عَشَرَ adalah merupakan *al-maf'u:l bihi* kepada kata kerja رَأَيْتُ yang *mabniy* kedua bahagiannya dengan *fathat* (*mabniy 'ala: al-fath al-juz'ayn*) pada

- سورة التوبة : 36 ﴿ ٣٦ ٢ ٣ ٤ ٥ ٦ ٧ ٨ ٩ ١٠ ١١ ١٢ ١٣ ١٤ ١٥ ١٦ ١٧ ١٨ ١٩ ٢٠ ٢١ ٢٢ ٢٣ ٢٤ ٢٥ ٢٦ ٢٧ ٢٨ ٢٩ ٣٠ ٣١ ٣٢ ٣٣ ٣٤ ٣٥ ٣٦ ﴾ (2)
- سورة المائدة : 12 ﴿ ١٢ ١٣ ١٤ ١٥ ١٦ ١٧ ١٨ ١٩ ٢٠ ٢١ ٢٢ ٢٣ ٢٤ ٢٥ ٢٦ ٢٧ ٢٨ ٢٩ ٣٠ ٣١ ٣٢ ٣٣ ٣٤ ٣٥ ٣٦ ﴾ (3)
- سورة الأعراف : 160 ﴿ ١٦٠ ١٦١ ١٦٢ ١٦٣ ١٦٤ ١٦٥ ١٦٦ ١٦٧ ١٦٨ ١٦٩ ١٧٠ ١٧١ ١٧٢ ١٧٣ ١٧٤ ١٧٥ ١٧٦ ١٧٧ ١٧٨ ١٧٩ ١٨٠ ١٨١ ١٨٢ ١٨٣ ١٨٤ ١٨٥ ١٨٦ ١٨٧ ١٨٨ ١٨٩ ١٩٠ ١٩١ ١٩٢ ١٩٣ ١٩٤ ١٩٥ ١٩٦ ١٩٧ ١٩٨ ١٩٩ ٢٠٠ ﴾ (4)
- رَأَيْتُ اِثْنَيْ عَشَرَ طَالِيَةً

Dalam *al-‘adad* kelompok ini, kedua-dua *al-‘adad* dan *al-ma‘du:d* mesti dinyatakan dan *al-‘adad* berada sebelum *al-ma‘du:d*. *Al-‘adad* ini terdiri daripada dua bahagian sebab *al-‘adad* ini juga tergolong dalam golongan *al-‘adad al-murakkab*. Kedua-dua bahagian *al-‘adad* ini, *al-nayf* dan juga *al-‘iqdu* mestilah sama daripada aspek maskulin dan juga feminin. Ketika maskulin, lafaz اثنَا عَشَرَ atau اُنْنِي عَشَرَ digunakan, manakala ketika feminin, lafaz اِثْنَا عَشَرَ atau اِثْنِي عَشَرَ digunakan, berdasarkan kedudukannya di dalam ayat.

Kedua-dua bahagian *al-‘adad* juga menuruti keadaan *al-ma‘du:d* daripada aspek maskulin dan feminin. Sekiranya *al-ma‘du:d* itu maskulin, maka kedua-dua bahagian *al-‘adad* juga mesti maskulin dan sekiranya *al-ma‘du:d* itu feminin, maka kedua-dua bahagian *al-‘adad* juga mesti feminin. *Al-ma‘du:d* mestilah sentiasa kata nama tunggal (*mufrad*).

3.4.2.4 I‘ra:b Al-‘Adad Al-Murakkab: اِثْنَا عَشَرَ (*Dua Belas*)

Berbeza dengan *al-‘adad* اَحَدَ عَشَرَ yang bersifat *mabniy*, bahagian pertama *al-‘adad* اِثْنَا عَشَرَ ini adalah *mu‘rab*. Bahagian pertama *al-‘adad* dii‘rabkan sepertimana *i‘ra:b* kata nama

pendua iaitu nominatif dengan alif seperti dalam contoh (1) dan (3), akusatif dan genitif dengan ya:’ sepertimana dalam contoh (2) dan (4). Hal ini demikian kerana *al-‘adad* ini adalah *mulhaq* kata nama pendua.

Bahagian kedua *al-‘adad* pula, sentiasa *mabniy* dengan tanda baris *fathaṭ*. *Al-‘adad* bahagian kedua ini, sepertimana huruf-huruf *mabniy* yang lain yang tidak mempunyai kedudukan dalam *i‘ra:b*.

Manakala *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad* ini adalah kata nama tunggal yang berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Contoh *i‘ra:b* bagi *al-‘adad* اثنًا عشر ini boleh dijelaskan melalui firman Allah Ta’a:la dalam su:raṭ al-Tawbaṭ ayat 36 berikut:

★ ﴿ اِذَا رَجَعْتَ اِلَى الْاَرْضِ اَوْ اِلَى الْوُجُوهِ فَذُرْهُنَّ لِهَيْبَةِ اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامِ ۚ اِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿٣٦﴾ سورة التوبة : 36 ﴾

Maksudnya: (Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah **dua belas** bulan)

Dalam ayat di atas, didapati *al-‘adad* اثنًا berada dalam kasus nominatif sebagai *khavar* kepada partikel اِنَّ. Tanda nominatifnya ialah alif kerana lafaz اثنًا adalah *mulhaq* kata nama pendua. Manakala perkataan عَشْرَ *mabniy* dengan *fathaṭ* pada kedudukan kasus genitif sebagai *muda:f ilayhi*. Kata nama شَهْرًا dibaca dengan tanda baris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*. Tanda akusatifnya ialah *fathaṭ* yang nyata di akhirnya. (Muhyi al-Di:n al-Darwi:sh,1994,Vol.4:97)

Kalau diperhatikan dalam ayat ini, kita akan dapati bahawa kata nama *al-tamyi:z* adalah kata nama tunggal yang bersifat akusatif dan ianya maskulin. Oleh yang demikian, lafaz ائنا dan عَشْر juga maskulin. Hal ini demikian kerana kedua-dua bahagian *al-‘adad* mesti bersamaan dengan *al-ma‘du:d* dalam aspek gender ini.

Firman Allah Ta‘a:la dalam su:rat al-Ma:’idaṭ ayat 12:



Maksudnya: *(dan Kami telah utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua (untuk memimpin golongan masing-masing))*

Lafaz ائني digunakan dalam ayat ini kerana berkedudukan dalam kasus akusatif sebagai *al-maf‘u:l bihi* kepada kkl بَعَثْنَا (Muhyi al-Di:n al-Darwi:sh,1994,Vol.2.428). Tanda akusatifnya ialah ya:’ kerana ianya *mulhaq* kata nama pendua. Manakala *i‘ra:b* perkataan عَشْر dan نَقِيْبًا adalah sama dengan contoh yang dinyatakan sebelumnya.


JADUAL 3.4: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad Al-Murakkab: ائنا عَشْر

<i>Al-‘adad</i>		<i>Al-ma‘du:d</i>
<i>Al-nayf</i>	<i>Al-‘iqdu</i>	
Dii‘rab berdasarkan kedudukan dalam ayat sepertimana <i>i‘ra:b al-muthanna:</i> kerana <i>al-‘adad</i> ini adalah <i>mulhaq bi al-</i>	<i>Mabniy</i> dengan <i>fathaṭ</i> dan tidak mempunyai tempat <i>i‘ra:b</i> .	Kata nama tunggal berbaris <i>fathaṭ</i> kerana berada dalam kasus akusatif sebagai <i>al-tamyi:z</i>

<i>muthanna</i> :, iaitu nominatif dengan alif, akusatif dan genitif dengan ya:’.		
---	--	--

3.4.2.5 Al-‘Adad Al-Murakkab Di Antara ثَلَاثَةَ عَشَرَ (Tiga belas) Hingga تِسْعَةَ عَشَرَ (Sembilan belas)

Contoh:

- (1)  (1)
- (2)  (2)
- (3)  (3)

Kedua-dua *al-‘adad* dan *al-ma‘du:d* mesti disebut dalam bahagian ini dan *al-‘adad* berada sebelum *al-ma‘du:d*. *Al-‘adad* terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian pertama yang dinamakan *al-nayf* dan bahagian kedua yang dinamakan *al-‘iqdu* sepertimana selayaknya dalam *al-‘adad al-murakkab*.

Akan tetapi *al-‘adad al-murakkab* di antara ثَلَاثَةَ عَشَرَ hingga تِسْعَةَ عَشَرَ ini adalah berbeza dengan *al-‘adad al-murakkab* yang telah dibincangkan sebelumnya. Hal ini demikian kerana kedua-dua bahagian *al-‘adad* dalam kelompok ini, amat bergantung kepada *al-ma‘du:d* daripada segi maskulin atau feminin. Sekiranya *al-ma‘du:d* adalah maskulin, maka bahagian kedua daripada *al-‘adad* juga maskulin. Sementara bahagian pertama feminin seperti dalam contoh (1) dan (2).

Sekiranya *al-ma'du:d* adalah feminin, maka bahagian kedua daripada *al-'adad* juga mestilah feminin. Sementara bahagian pertama maskulin sepertimana dalam contoh (3). Ini bermakna bahagian kedua *al-'adad* sentiasa mengikut *al-ma'du:d* daripada aspek maskulin atau feminin ini. Sementara bahagian pertamanya sentiasa bercanggahan dengan *al-ma'du:d*. *Al-ma'du:d* ini pula hendaklah sentiasa kata nama tunggal.

3.4.2.6 I'ra:b Al-'Adad Al-Murakkab: ثَلَاثَةَ عَشَرَ (Tiga belas) Hingga تِسْعَةَ عَشَرَ (Sembilan belas)

Kedua-dua bahagian *al-'adad mabniy* dengan *fathaṭ* (*mabniy 'ala: al-fath al-juz'ayn*). *Al-'adad* ini dii'rabkan berdasarkan kepada kedudukannya dalam ayat sama ada pada kedudukan kasus nominatif, akusatif atau genitif.

Kata nama selepas *al-'adad* iaitu *al-ma'du:d* bertanda baris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Contoh *i'ra:b* bagi *al-'adad* dalam kategori ini boleh dijelaskan melalui contoh ini:

اَشْتَرَكْتُ فِي الرِّحْلَةِ ثَلَاثَةَ عَشَرَ طَالِبًا (*telah menyertai dalam lawatan itu tiga belas pelajar*).

Dalam ayat ini, *al-'adad ثَلَاثَةَ عَشَرَ* merupakan *al-fa:'il* bagi *اَشْتَرَكْتُ* yang *mabniy* kedua bahagiannya dengan *fathaṭ* pada kedudukan kasus nominatif. Manakala *al-ma'du:d* selepasnya, *طَالِبًا* berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z* dan tanda akusatifnya ialah *fathaṭ* yang nyata di akhirnya.

Jika diperhatikan dalam contoh ini, *al-ma‘du:d* طَالِبًا adalah maskulin, maka bahagian kedua *al-‘adad* iaitu عَشْر juga maskulin, manakala bahagian pertamanya ثَلَاثَةٌ adalah feminin. Begitulah situasinya bagi *al-‘adad al-murakkab* di antara ثَلَاثَةٌ عَشْر hingga تِسْعَةٌ عَشْر ini.

JADUAL 3.5: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad Di Antara ثَلَاثَةٌ عَشْر Hingga تِسْعَةٌ عَشْر

<i>Al-‘adad</i>		<i>Al-ma‘du:d</i>
<i>Al-nayf</i>	<i>Al-‘iqdu</i>	
Saling bercanggahan dengan <i>al-ma‘du:d</i> . Maskulin sekiranya <i>al-ma‘du:d</i> adalah feminin dan feminin sekiranya <i>al-ma‘du:d</i> adalah maskulin	Bersamaan dengan <i>al-ma‘du:d</i> daripada aspek feminin dan maskulin	Kata nama tunggal bertanda baris <i>fathaṭ</i> kerana berada dalam kasus akusatif sebagai <i>al-tamyi:z</i>
Kedua-dua bahagian <i>al-‘adad</i> ini dii‘rabkan sebagai <i>mabniy</i> dengan <i>fathaṭ</i> pada kedudukan sama ada kasus nominatif, akusatif atau genitif berdasarkan kedudukan dalam ayat		

3.4.3 Al-‘Adad Al-‘Uqu:d (الْعَدَدُ الْعُقُود)

Al-‘adad al-‘uqu:d ialah *al-‘adad* yang merangkumi di antara *al-‘adad* عِشْرُونَ (*dua puluh*) sehinggalah تِسْعُونَ (*sembilan puluh*), iaitu merangkumi *al-‘adad* ، ثَلَاثُونَ ، أَرْبَعُونَ ، خَمْسُونَ ، سِتُّونَ ، سَبْعُونَ ، ثَمَانُونَ .



Maksudnya: *(jika ada di antara kamu **dua puluh** yang sabar, nescaya mereka dapat menewaskan dua ratus orang (dari pihak musuh yang kafir itu)*


Al-‘adad عَشْرُونَ dalam ayat ini dinamakan *al-‘adad al-‘uqu:d*. Ianya berada dalam kasus nominatif kerana berkedudukan sebagai *ism* kepada *يَكُنْ*. Tanda nominatifnya ialah *wa:w* (و) kerana lafaz ini merupakan *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim* yang nominatif dengan *wa:w*.

3.4.3.1 I‘ra:b Al-‘Adad Al-‘Uqu:d

Al-‘adad al-‘uqu:d dii‘rabkan sepertimana *i‘ra:b* kata nama *jama‘ mudhakkar sa:lim* kerana *al-‘adad al-‘uqu:d* adalah *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*. Ketika dalam kasus nominatif, *al-‘adad al-‘uqu:d* ini dibaca dengan tanda *wa:w*, sepertimana dalam contoh (1) dan (3), ketika dalam kasus akusatif atau genitif, *al-‘adad al-‘uqu:d* ini dibaca dengan tanda *ya:’*, sepertimana dalam contoh (2) dan (4).

Al-ma‘du:d selepasnya adalah kata nama tunggal yang berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Dalam contoh yang pertama, firman Allah Ta‘a:la dalam su:rat al-Ahqa:f ayat 15 :



Maksudnya: (tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa **tiga puluh** bulan. Setelah ia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur **empat puluh** tahun)

Dalam ayat ini di dapati, al-‘adad ثَلَاثُونَ dibaca secara nominatif kerana berkedudukan sebagai *khavar* kepada *al-mubtada:* حَمْلُهُ dan tanda nominatifnya ialah wa:w (و) kerana ia adalah *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*. Al-ma‘du:d selepasnya, شَهْرًا berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z* dengan tanda baris *fathaṭ* yang nyata di akhirnya. Manakala al-‘adad yang kedua أَرْبَعِينَ dibaca secara akusatif kerana berkedudukan sebagai *al-maf‘u:l bihi* kepada kkl بَلَغَ dan ia diakusatifkan dengan ya:’ sebagaimana kelazimannya *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*. Al-ma‘du:d selepasnya سَنَةً adalah *al-tamyi:z* yang akusatif dengan tanda baris *fathaṭ* yang nyata di akhirnya (Muhyi al-Di:n al-Darwi:sh,1994,Vol.9:176)

JADUAL 3.6: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad Al-‘Uqu:d

<i>Al-‘adad</i>	<i>Al- ma‘du:d</i>
Dii‘rab berdasarkan kedudukan dalam ayat Dii‘rab sepertimana <i>i‘ra:b jama‘ mudhakkar sa:lim</i> kerana <i>al-‘adad</i> ini adalah <i>mulhaq</i> kepadanya, iaitu nominatif dengan wa:w, contohnya: (عِشْرُونَ), akusatif dan genitif	Kata nama tunggal berbaris <i>fathaṭ</i> kerana berada dalam kasus akusatif sebagai <i>al-tamyi:z</i>

dengan ya:’, contohnya: (عِشْرِينَ).	
--------------------------------------	--

3.4.4 Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f (الْعَدَدُ الْمَعْتُوف)

Al-‘adad al-ma‘tu:f ialah al-‘adad di antara وَاحِدٌ وَعِشْرُونَ (dua puluh satu) dan تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ (sembilan puluh sembilan), selain daripada al-‘adad al-‘uqu:d. Semua al-‘adad ini terdiri daripada tiga bahagian iaitu:

- 1- Al-ma‘tu:f iaitu lafaz al-‘uqu:d seperti عِشْرُونَ
- 2- Ma‘tu:f ‘alayhi iaitu lafaz al-‘adad yang tunggal sebelum wa:w seperti وَاحِدٌ
- 3- Partikel al-‘atf iaitu و (wa:w) sahaja.

Perbincangan mengenai al-‘adad al-ma‘tu:f ini juga akan dibahagikan kepada beberapa sub tajuk untuk memperincikan lagi perbahasannya.

3.4.4.1 Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan وَاحِدٌ

Contoh:

- (1) فِي مَكْتَبِي وَاحِدٌ وَعِشْرُونَ كِتَاباً
- (2) مَضَى مِنَ الْأَيَّامِ إِحْدَى وَخَمْسُونَ لَيْلَةً

Dalam bahagian ini, *al-‘adad* dan *al-ma‘du:d* mestilah sama daripada aspek maskulin atau feminin. Sekiranya *al-ma‘du:d* adalah maskulin, maka *al-‘adad* juga mestilah maskulin, sebaliknya jika *al-ma‘du:d* adalah feminin, maka *al-‘adad* juga mestilah feminin. Dalam keadaan maskulin, digunakan lafaz **وَاحِدٌ** manakala dalam keadaan feminin, lafaz **إِحْدَى** digunakan. Sementara itu, *al-adad al-ma‘tu:f* yang lain, tidak terikat dengan peraturan ini.

3.4.4.2 I‘ra:b Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan **وَاحِدٌ**

Bahagian pertama *al-‘adad* dii‘rabkan dengan baris yang nyata berdasarkan kedudukannya dalam ayat sama ada dibaca dengan baris *dammaṭ* ketika nominatif, dibaca dengan baris *fathaṭ* ketika akusatif atau dibaca dengan baris *kasraṭ* ketika genitif.

Bahagian kedua *al-‘adad* pula dii‘rabkan sepertimana *al-‘adad al-‘uqu:d* iaitu nominatif dengan wa:w, akusatif serta genitif dengan ya:’. *Al-‘adad* di bahagian kedua ini sentiasa mengikut *al-‘adad* di bahagian pertama daripada segi peraturan *i‘ra:b* kerana ia adalah *ma‘tu:f* kepadanya.

Sementara *al-ma‘du:d* mestilah sentiasa kata nama tunggal yang berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Dalam ayat **فِي مَكْتَبِي وَاحِدٌ وَعِشْرُونَ كِتَابًا** (*di pustaka saya ada dua puluh satu buku*), *al-‘adad* **وَاحِدٌ** berbaris *dammaṭ* kerana berada dalam kasus nominatif sebagai *al-mubtada:’*. Wa:w (و) adalah huruf *al-‘atfi mabniy* yang tidak mempunyai tempat daripada segi *i‘ra:b* dan **عِشْرُونَ** kata nama *ma‘tu:f* yang nominatif dengan wa:w kerana ianya *mulhaq jama‘*

mudhakkār sa:lim. *Al-ma‘du:d* كِتَابًا pula difathatkan kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

JADUAL 3.7: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan

واحد

<i>Al-‘adad</i>		<i>Al-ma‘du:d</i>
Bahagian Pertama (<i>Al-ma‘tu:f</i>)	Bahagian Kedua (<i>Ma‘tu:f ‘alayhi</i>)	
Dii‘rabkan dengan baris yang nyata di akhirnya berdasarkan kepada kedudukannya dalam ayat sama ada dibaca dengan baris <i>dammat</i> ketika nominatif, <i>fathaṭ</i> ketika akusatif atau <i>kasrat</i> ketika genitif	Dii‘rabkan sepertimana <i>al-‘adad al-‘uqu:d</i> iaitu nominatif dengan wa:w, akusatif serta genitif dengan ya:’. Dii‘rabkan sebagai <i>ma‘tu:f ‘alayhi</i> kepada <i>al-‘adad</i> pertama	Kata nama tunggal (<i>mufrad</i>) berbaris <i>fathaṭ</i> kerana berada dalam kasus akusatif sebagai <i>al-tamyi:z</i>

3.4.4.3 Al-Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan اثنان (Dua)

Contoh:

عَلَى السَّفِينَةِ اثْنَانِ وَثَلَاثُونَ بَحَّارًا (1)

رَأَيْتُ اثْنَتَيْنِ وَثَلَاثِينَ زَهْرَةً (2)

رَكِبْتُ فِي اثْنَيْنِ وَخَمْسِينَ سَيَّارَةً (3)

Yang dimaksudkan dengan *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang bermula dengan اثنان (*dua*) ialah *al-‘adad-al-‘adad* berikut iaitu اثنانِ وَثَلَاثُونَ – اثنانِ وَأَرْبَعُونَ – اثنانِ وَخَمْسُونَ – اثنانِ وَسِتُّونَ – اثنانِ وَسَعُونَ – اثنانِ وَثَمَانُونَ – اثنانِ وَسَبْعُونَ – اثنانِ وَسِتُّونَ.

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelum ini, *al-‘adad* اثنانِ dan اثنانِ adalah *mulhaq* kata nama pendua. Oleh yang demikian, dalam keadaan nominatif, kata اثنانِ / اثنانِ digunakan kerana tanda nominatifnya adalah alif. Dalam keadaan akusatif dan genitif pula, kata اثنانِ / اثنانِ digunakan kerana tanda akusatif dan genitifnya ialah ya:’.

Al-‘adad dan *al-ma‘du:d* dalam bahagian ini adalah sama daripada aspek maskulin dan feminin. Ini bermakna sekiranya *al-ma‘du:d* adalah maskulin, *al-‘adad* mestilah juga maskulin, sekiranya *al-ma‘du:d* adalah feminin, *al-‘adad* mestilah juga feminin. Ketika maskulin digunakan lafaz اثنانِ وَعِشْرُونَ, manakala ketika feminin digunakan lafaz اثنانِ اثنانِ. Sementara *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang lain, selain yang bermula dengan وَاحِدٌ dan اثنانِ, *al-‘adad* dan *al-ma‘du:d*nya adalah saling bercanggahan daripada aspek maskulin dan feminin.

Satu perkara lagi ialah *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad* yang bermula dengan اثنانِ / اثنانِ ini mestilah kata nama tunggal.

3.4.4.4 I‘ra:b Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan اثنانِ (*Dua*):

Bahagian pertama *al-‘adad* ini, dii‘rab sepertimana *i‘ra:b* kata nama pendua iaitu nominatif dengan alif, contohnya اثنانِ وَخَمْسُونَ طَالِبًا إِلَى الْمَدْرَسَةِ (*telah datang lima puluh dua orang pelajar ke sekolah*), akusatif dan genitif pula dengan ya:’ seperti مَرَرْتُ بِاِثْنَيْنِ وَأَرْبَعِينَ قَرِيَّةً (*saya*

melintasi empat puluh dua buah kampung), manakala bahagian kedua pula iaitu lafaz *al-‘uqu:d* dii‘rab sebagai *ma‘tu:f ‘alayhi* kepada *al-‘adad* bahagian pertama.

Manakala *al-ma‘du:d* sepertimana dalam *al-‘adad al-‘uqu:d*, berbaris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Dalam ayat عَلَى السَّفِينَةِ اثْنَانِ وَثَلَاثُونَ بَحَارًا (*di atas kapal ada tiga puluh dua anak kapal*), *al-‘adad* اثْنَانِ digunakan kerana *al-‘adad* berada dalam kasus nominatif sebagai *al-mubtada:’*. *wa:w* (و) adalah partikel *al-‘atfi mabniy* yang tidak mempunyai tempat daripada segi *i‘ra:b* dan ثَلَاثُونَ kata nama *ma‘tu:f* yang nominatif dengan *wa:w* kerana ianya *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*. *Al-ma‘du:d* بَحَارًا pula berbaris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Dalam ayat مَرَرْتُ بِاثْنَتَيْنِ وَأَرْبَعِينَ قَرْيَةً (*saya melalui empat puluh dua buah kampung*), *al-‘adad* اثْنَتَيْنِ digunakan kerana *al-‘adad* berada dalam kasus genitif sebagai kata nama *majru:r* kepada partikel *jarr* بِ.

JADUAL 3.8: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan اثنان

<i>Al-‘adad</i>		<i>Al-ma‘du:d</i>
<i>Al-ma‘tu:f</i>	<i>Al-ma‘tu:f ‘alayhi</i>	

Dii‘rabkan berdasarkan kedudukan dalam ayat dengan <i>i‘ra:b</i> kata nama pendua iaitu nominatif dengan alif, akusatif dan genitif dengan <i>ya:’</i>	Dii‘rabkan sepertimana <i>al-‘adad al-‘uqu:d</i> iaitu nominatif dengan <i>wa:w</i> , akusatif serta genitif dengan <i>ya:’</i> . Dii‘rabkan sebagai <i>ma‘tu:f ‘alayhi</i> kepada <i>al-‘adad</i> pertama	Kata nama tunggal berbaris <i>fathaṭ</i> kerana berada dalam kasus akusatif sebagai <i>al-tamyi:z</i> .
--	---	---

3.4.4.5 Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan Selain Daripada **وَاحِدٌ** Dan **اِثْنَانِ**

Contoh:



 (1)

 سورة ص: 23

اَقَمْتُ فِي مِصْرَ ثَلَاثَةَ اَرْبَعِينَ يَوْمًا (2)

مَرَّ عَلَيَّ خَمْسٌ وَسِتُّونَ فَرَاشَةً (3)

لَعِبْتُ فِي سِتَّةٍ وَسَبْعِينَ مَلْعَبًا (4)

Yang dimaksudkan dengan *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang bermula dengan selain daripada **وَاحِدٌ** dan **اِثْنَانِ** ialah *al-‘adad al-mufrad* di antara **ثَلَاثَةٌ** (tiga) hingga **تِسْعَةٌ** (sembilan) yang bergabung dengan salah satu daripada *al-‘adad al-‘uqu:d* iaitu **اَرْبَعُونَ** – **ثَلَاثُونَ** – **عِشْرُونَ** – **تِسْعُونَ** dan **ثَمَانُونَ** – **سَبْعُونَ** – **سِتُّونَ** – **خَمْسُونَ**.

Bahagian pertama al-‘adad dalam kategori ini sentiasa mengikut hukum *al-‘adad al-mufrad* daripada ثَلَاثَةٌ (tiga) hingga عَشْرَةٌ (sepuluh). Iaitu sekiranya *al-ma‘du:d* maskulin, maka *al-‘adad* hendaklah feminin sepertimana dalam contoh (2) dan (4). Sekiranya *al-ma‘du:d* feminin, maka *al-‘adad* hendaklah maskulin sepertimana dalam contoh (1) dan (3).

Manakala bahagian kedua *al-‘adad* berkedudukan sebagai *al-ma‘tu:f ‘alayhi* kepada bahagian pertamanya. Oleh hal yang demikian, *al-‘adad* bahagian ini akan dibaca dengan wa:w (عِشْرُونَ) ketika dalam kedudukan nominatif dan dibaca dengan ya:’ (عِشْرَيْنَ) ketika dalam kedudukan akusatif atau genitif. Hal ini demikian kerana *al-‘adad* ini merupakan *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*.

Manakala *al-ma‘du:d* bagi *al-‘adad* yang bermula dengan selain daripada وَاحِدٌ dan اِثْنَانٍ / اِثْنَانِ ini, sama sepertimana *al-‘adad al-ma‘tu:f* yang lain iaitu mestilah kata nama tunggal.

3.4.4.6 I‘ra:b Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan Selain Daripada وَاحِدٌ Dan اِثْنَانِ

Al-‘adad bahagian pertama dii‘rabkan dengan tanda baris yang sesuai mengikut kedudukannya dalam ayat. Kadang-kadang ianya nominatif dengan *dammāt*, kadang-kadang ianya akusatif dengan *fathat* dan kadang-kadang ianya genitif dengan *kasrat*. Manakala *al-‘adad* bahagian kedua pula iaitu lafaz *al-‘uqu:d* dii‘rab sebagai *al-ma‘tu:f ‘alayhi* kepada *al-‘adad* bahagian pertama. *Al-‘adad* bahagian ini dibaca dengan wa:w [و] seperti (عِشْرُونَ) ketika dalam kedudukan nominatif, dibaca dengan ya:’ [ي] seperti (عِشْرَيْنَ) ketika dalam kedudukan akusatif dan genitif. Hal ini demikian kerana *al-‘adad* ini adalah merupakan *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*.

Al-ma‘du:d pula ialah kata nama *mufrad* yang berbaris *fathat* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*.

Sebagai contoh *i‘ra:b* bagi *al-‘adad* bahagian ini, firman Allah Ta‘a:la dalam su:rat al-Sa:d ayat 23;



Maksudnya: (Sebenarnya orang ini ialah (seorang sahabat sebagai) saudaraku; dia mempunyai sembilan puluh sembilan ekor kambing betina).

Al-‘adad تسع berbaris *dammāt* kerana berada dalam kasus nominatif sebagai subjek yang dilewatkan (*al-mubtada:’ al-mu’akhkhar*). Wa:w (و) ialah huruf *al-‘atfi* dan تسعون *ma‘tu:f* kepada تسع yang dinominatifkan dengan wa:w kerana ia adalah *mulhaq jama‘ mudhakkar sa:lim*. *Al-ma‘du:d* selepasnya, نَعَجَةً berbaris *fathat* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*. (Muhyi al-Di:n al-Darwi:sh,1994,Vol.8:347)

**JADUAL 3.9: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad Al-Ma‘tu:f Yang Bermula Dengan
Selain Daripada اثنان Dan واحد**

<i>Al-‘adad</i>		<i>Al-ma‘du:d</i>
<i>Al-ma‘tu:f</i>	<i>Al-ma‘tu:f ‘alayhi</i>	
Dii‘rabkan berdasarkan kedudukannya dalam ayat sama ada nominatif, akusatif	<i>Mulhaq</i> kepada <i>jama‘ mudhakkar sa:lim</i> . Dii‘rabkan sepertimana <i>al-</i>	Kata nama tunggal berbaris <i>fathat</i> kerana berada dalam kasus akusatif sebagai <i>al-</i>



سورة العنكبوت: 14

Al-‘adad مئة (seratus), ألف (seribu), مليون (sejuta), مليار (bilion) dan gandaannya adalah tergolong dalam *al-‘adad al-mufrad*. Perbincangan mengenainya diakhirkan dalam penulisan disertasi ini kerana meraikan kesesuaian turutan angka yang bermula dengan angka yang kecil kepada angka yang lebih besar dan seterusnya.

Sesuatu yang istimewa bagi *al-‘adad al-mufrad* dalam kategori ini ialah setiap satu daripadanya boleh dikembangkan kepada kata nama pendua dan kata nama jama‘ seperti berikut:

Kata Nama Tunggal	Kata Nama Pendua	Kata Nama Jama‘
مِئَّةٌ	مِئَّتَانِ	مِئَّات
أَلْفٌ	أَلْفَانِ	أُلُوفٌ - آلَافٌ
مِليُون	مِليُونَانِ	مِلايِين
مِليَار	مِليَارَانِ	مِليَارَات

Al-‘adad-al-‘adad ini digunakan dalam satu bentuk sahaja sama ada ketika maskulin atau feminin. مئة dan gandaannya kekal dalam bentuk lafaz feminin, manakala أَلْف dan gandaannya kekal dalam bentuk lafaz maskulin tanpa melihat sama ada digunakan untuk menunjukkan jumlah sesuatu kata nama maskulin atau feminin. Penjelasan berkaitan dengan situasi ini boleh dilihat melalui dua contoh berikut:

- جَاءَ مِئَةُ رَجُلٍ وَمِئَةُ امْرَأَةٍ (telah datang seratus orang lelaki dan seratus orang perempuan)

- جاء ألف رجل وألف امرأة (*telah datang seribu orang lelaki dan seribu orang perempuan*)

Al-‘adad dalam kategori ini berada sebelum *al-ma‘du:d* dan *al-ma‘du:d* mestilah kata nama tunggal (*mufrad*).

3.4.5.1. Penulisan مئة Tunggal

Al-‘adad مئة dalam BA biasa digunakan dalam dua bentuk iaitu sama ada مئة mengikut sebutannya tanpa ada penambahan alif di tengah atau مائة dengan memasukkan alif di antara mi:m dan hamzat tanpa membacanya. Ibn Manzu:r (1990, Vol.15:268) menulisnya dengan lafaz مائة, manakala al-Fayru:z A:ba:diyy (1994:1718) menggunakan lafaz المئة ketika menerangkan maksud kata nama ini dalam kamus masing-masing. Radiyy al-Di:n (1998, Vol.3:370) berkata lafaz ini ditulis [مائة] dengan alif selepas mi:m supaya tidak timbul kekeliruan dengan perkataan [منة]. Dalam situasi kata jama‘ dan kata pendua (*al-muthanna:*), alif ini dibuang.

Manakala al-Da:niyy (tt:175) dalam Gha:nim Qaddu:riy al-Hamad (1982:420) pula memberi satu lagi alasan yang menyebabkan lafaz *al-‘adad* ini ditulis dalam keadaan sedemikian iaitu bertujuan untuk menguatkan hamzat (ء). Hal ini demikian kerana, hamzat merupakan huruf yang tersembunyi serta makhrajnya terletak jauh ke dalam rongga mulut, maka dikuatkan huruf berkenaan dengan alif untuk menzahirkan bunyinya.

Walau bagaimanapun beberapa ahli bahasa Arab masa kini tidak berapa menerima kaedah penulisan perkataan مئة ini dalam bentuknya yang lama. Menurut Imi:l Badi:‘ Ya‘ku:b (2000:444), *al-‘adad* مئة pada masa dahulu ditulis dengan mengekalkan alif begini مائة. Hal

ini demikian kerana untuk membezakannya dengan perkataan مِنْهُ yang ditulis dengan bentuk yang sama. Adapun sekarang oleh kerana masalah kekeliruan di antara perkataan berkenaan telah tiada, dengan adanya sistem titik yang diperkenalkan, maka adalah lebih baik diringkaskan cara menulis perkataan berkenaan dengan menulisnya tanpa alif مِئَةٍ.

Pendapat ini juga disokong oleh Na:si:f Yammi:n (1994:253) yang mencatatkan “masih ramai lagi para penulis yang mengikut cara penulisan lama dalam menulis perkataan ini (المائة). Yang sebetulnya ialah, menulisnya pada masa kini tanpa menambahkan alif. Hal ini demikian kerana dengan adanya penggunaan sistem titik, sudah tiada lagi kekeliruan”.

Muhammad al-‘Adna:niyy (1983:232) pula lebih lantang dalam masalah ini. Beliau telah mengemukakan tujuh hujah mengapa lafaz ini perlu ditulis mengikut sebutannya tanpa menambah alif di antara huruf mi:m dan hamzat. Kemudian beliau berkata: *“ketujuh-tujuh sebab ini – yang bernas berdasarkan pandangan saya, menjelaskan kepada kita bahawa secara logiknya kita perlu menjauhkan lafaz المِئَة daripada huruf alif untuk menjauhkan daripada kecatatan dalam aspek kaedah penulisan, meringkaskan masa menulis dan menerima hukum logik akal.*

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat para nahuan Arab lama dan juga moden ini, pengkaji berpendapat bahawa adalah lebih baik untuk menulis al-‘adad ini dalam bentuk sepertimana yang diseru oleh sebahagian nahuan Arab moden ini iaitu dengan menulisnya mengikut sebutan, bukannya dengan ada penambahan huruf alif sepertimana yang ditulis di dalam mushaf al-Qur’an. Hal ini demikian kerana pendapat yang diketengahkan oleh sebahagian nahuan moden ini bukanlah merupakan pendapat baru yang sengaja diada-

adakan, sebaliknya adalah merupakan pendapat para nahan *Ku:fiyy* sejak sekian lama sepertimana yang dijelaskan oleh Muhammad al-‘Adna:niyy (1983:232).

Kalau dilihat daripada segi sejarah juga, kita akan dapati bahawa idea memperkenalkan sistem titik dalam penulisan BA oleh Yahya Bin Ya‘mur al-‘Adawa:ni:yy dan juga Nasr bin ‘A:sim al-Laithiyy seawal kurun kedua Hijrah telah menyelesaikan banyak masalah persamaan bentuk tulisan di antara perkataan-perkataan dalam BA ini. Malah menurut ‘Abba:s Hasan (tt,Vol.4:517) dan Muhammad al-‘Adna:niyy (1983:232), *Majma’ al-Lughat al-‘Arabiyyat* di *Qa:hirat* dalam pekeliling yang dikeluarkannya juga mengharuskan penulisan perkataan ini tanpa alif. Justeru itu, dalam penulisan disertasi ini, *al-‘adad* ini akan ditulis dengan menggunakan lafaz مئة, tanpa alif di tengahnya.

3.4.5.2 Penulisan مئة Gabungan

Al-‘adad مئة juga mempunyai dua cara menulisnya apabila bergabung dengan *al-‘adad al-mufrad* sebelumnya, iaitu sama ada ditulis secara bergabung seperti berikut [أَرْبَعُمِئَةٍ] atau secara terpisah seperti [أَرْبَعُ مِئَةٍ]. Menurut ‘Abba:s Hasan (tt,Vol.4:518) dan Muhammad al-‘Adna:niyy (1983:232), *Majma’ al-Lughat al-‘Arabiyyat* di *Qa:hirat* telah mengharuskan pemisahan di antara *al-‘adad* ثَلَاثَةٌ hingga تِسْعَةٌ dengan lafaz مئة untuk lebih memudahkan penulisan.

Menurut ‘Abduh al-Ra:jihiyy (a) (1988:410) sekiranya *al-‘adad* ini disebut bersama dengan *al-‘adad* yang lain, maka *al-ma‘du:d* akan sentiasa mengikut lafaz terakhir *al-‘adad*. Ini kerana *al-‘adad* dalam BA boleh dibaca dengan menyebut المِئَة dan gandaannya dahulu

kemudian diikuti dengan gabungannya atau sebaliknya. Sebagai contoh; ayat رَجُلٍ 125 (125 lelaki) boleh dibaca sebagai رَجُلًا وَخَمْسَةٌ وَعَشْرُونَ رَجُلًا ataupun رَجُلٍ وَخَمْسَةٌ وَعَشْرُونَ رَجُلًا.

Dalam contoh yang pertama, *al-ma'du:d* رَجُلًا berbaris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-tamyi:z*. Hal ini demikian kerana *al-ma'du:d* datang selepas daripada lafaz عَشْرُونَ. Dalam contoh yang kedua pula, *al-ma'du:d* رَجُلٍ berbaris *kasraṭ* kerana berada dalam kasus genitif sebagai *muda:f ilayhi*. Hal ini demikian kerana *al-ma'du:d* datang selepas daripada lafaz مِئَةً. Begitulah keadaannya dua situasi *i'ra:b*, apabila *al-'adad* ini bergabung dengan *al-'adad* yang lain.

3.4.5.3 I'ra:b Al-'Adad مِئَة (Seratus), أَلْف (Ribu), مِلْيُون (Juta), مِلْيَار (Bilion) Dan Gandaannya

Al-'adad dalam keadaan kata nama tunggal dii'rabkan dengan tanda baris yang nyata di akhirnya dan berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Ini bermakna ianya nominatif dengan *dammat*, akusatif dengan *fathaṭ* dan genitif dengan baris *kasraṭ*.

Dalam keadaan kata nama pendua, *al-'adad* ini dii'rabkan sepertimana kata nama pendua iaitu nominatif dengan alif contohnya أَلْفَانِ – مِئَتَانِ, akusatif dan genitif dengan ya:' contohnya مِئَتَيْنِ – أَلْفَتَيْنِ kerana ianya *mulhaq* kata nama pendua. Manakala dalam keadaan kata jama', *al-'adad* مِائَاتِ dii'rabkan sepertimana *jama' mu'annath sa:lim* kerana ianya *mulhaq jama' muannath sa:lim*. ('Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy,1992,Vol.2:637)

Seterusnya *al-'adad* dii'rabkan sebagai *muda:f* manakala *al-ma'du:d* selepasnya kata nama tunggal berbaris *kasraṭ* kerana berada dalam kasus genitif sebagai *muda:f ilayhi*. Sekiranya

al-‘adad ini bergabung dengan *al-‘adad* yang lain, maka *al-ma‘du:d* dii‘rabkan berdasarkan kepada *al-‘adad* yang terakhir sepertimana yang telah dijelaskan.

Beberapa contoh di bawah, boleh menjelaskan lagi maksud perbincangan ini. Firman Allah Ta‘a:la dalam su:raṭ al-Anfa:l ayat 66 :

﴿قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ أَمْرًا أَنْ يَفْضَحَنَّهُ السَّمْعُ ۖ وَلَئِنْ كُنْتُ تُخْفِيَ السَّمْعُ أَمْرًا فَكَفَىٰ بِاللَّهِ عِلْمًا ۚ﴾
 ﴿سُورَةُ الْأَنْفَالِ: 66﴾

Maksudnya: *(Jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang)*

Lafaz مئة dalam ayat ini, berbaris dengan tanda baris *dammāt* yang jelas di akhirnya kerana berada dalam kasus nominatif sebagai *ism* يَكُن. Manakala kata nama pendua مِئَتَيْنِ pula dibaca dengan ya:’ kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *al-maf‘u:l bihi* kerana ia adalah *mulhaq* kata nama pendua. (‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy,1992,Vol.2:637)

Firman Allah Ta‘a:la dalam su:raṭ al-‘Ankabu:t ayat 14 :

﴿وَلَا يَخَافُ الْعَذَابَ ۚ﴾
 ﴿سُورَةُ الْعَنْكَبُوتِ: 14﴾

Maksudnya: *(dia tinggal dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun
 (seribu tahun kecuali lima puluh tahun))*

Lafaz أَلْفٌ dalam ayat ini berbaris *fathaṭ* kerana berada dalam kasus akusatif sebagai *zaraf* dan ianya *muda:f. سَنَةٍ* berbaris *kasraṭ* yang jelas di akhirnya kerana berkedudukan sebagai *muda:f ilayhi*. (Muhyi al-Di:n al-Darwi:sh,1994,Vol.7:409)

Jadual 3.10: Ringkasan I‘ra:b Bagi Al-‘Adad مِئَةٌ, أَلْفٌ, مِلْيَارٌ, مِلْيُونٌ Dan Gandaannya

<i>Al-‘adad</i>	<i>Al-ma‘du:d</i>
<i>Al-adad mufrad</i> dii‘rabkan dengan tanda baris yang jelas di akhirnya berdasarkan kedudukannya dalam ayat iaitu nominatif dengan <i>dammaṭ</i>, akusatif dengan <i>fathaṭ</i> dan genitif dengan <i>kasraṭ</i>. Dalam keadaan kata nama pendua dii‘rab sepertimana kata nama pendua iaitu nominatif dengan alif, akusatif dan genitif dengan ya:’	<i>Al-ma‘du:d</i> selepasnya kata nama tunggal berbaris <i>kasraṭ</i> kerana berada dalam kasus genitif sebagai <i>muda:f ilayhi</i>. Bagi <i>al-‘adad</i> gabungan, <i>al-ma‘du:d</i> akan mengikut <i>al-‘adad</i> terakhir

3.5 AL-‘ADAD AL-TARTI:BIYY (الْعَدْدُ التَّرْتِيبِيّ)

Menurut Muhammad Khali:l Ba:sha: (1985: 246) *al-‘adad al-tarti:biyy* ialah suatu gambaran yang menunjukkan kedudukan *al-ma‘du:d* dalam konteks susunan. Sementara itu ‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy (1992,Vol.2:630) pula mendefinisikan *al-‘adad al-tarti:biyy* sebagai *al-‘adad* yang menunjukkan kedudukan sesuatu yang dihitung.

Daripada kedua-dua pengertian yang diberikan ini, dapat difahami bahawa perbincangan mengenai *al-‘adad al-tarti:biyy* ini melibatkan kata bilangan yang menunjukkan giliran atau urutan dalam sesuatu jumlah. Dalam BA, *al-‘adad* ini dibentuk dengan mengubah *al-*

‘*adad al-asliyy* kepada *ism al-fa:‘il* mengikut pola فَاعِل. Contohnya: *al-‘adad al-tarti:biyy* bagi ثَلَاث ialah ثَالِث, bagi أَرْبَع ialah رَابِع dan begitulah selanjutnya.

Jika dirujuk kepada buku-buku tatabahasa Arab, didapati para nahuan Arab meletak berbagai tajuk dan istilah dalam membahaskan mengenai *al-‘adad al-tarti:biyy* ini. Ibn ‘Usfu:r (1998,Vol.2:134) contohnya menamakan bab yang membahaskan mengenai tajuk ini sebagai “*Bab Tha:ni Ithnayn Wa Tha:lith Thala:that*”. Manakala Radiyy al-Di:n (1998,Vol.3:384) menamakan bab yang membahaskan mengenai tajuk ini sebagai “*al-Ishtiqa:q Min Alfa:z al-‘Adad*”. Ibn Hisha:m (a) (1994:337) pula menamakannya sebagai “*Asma:’ Al-‘Adad Allati: ‘Ala: Wazn Fa:‘il*”. Manakala nahuan Arab moden seperti ‘Azi:zat Fawwa:l Ba:bitiyy (1992,Vol.2:630) dan Imi:l Badi:‘ Ya‘ku:b (tt:223) menggunakan istilah *al-‘adad al-tarti:biyy*.

Al-‘adad al-tarti:biyy BA juga terbahagi kepada empat bahagian sepertimana dalam *al-‘adad al-asliyy*, iaitu:

- 1) *Al-‘adad al-tarti:biyy : al-mufrad* (العَدَدُ التَّرتِيبِي المِفْرَد) daripada الأَوَّل (pertama) sehingga العَاشِرُ (kesepuluh)
- 2) *Al-‘adad al-tarti:biyy : al-murakkab* (العَدَدُ التَّرتِيبِي المُرَكَّب) daripada الحَادِي عَشَرَ (kesebelas) sehingga التَّاسِعَ عَشَرَ (kesembilan belas)
- 3) *Al-‘adad al-tarti:biyy : al-‘uqu:d* (العَدَدُ التَّرتِيبِي العُقُود) daripada العِشْرُونَ (kedua puluh) sehingga التِّسْعُونَ (kesembilan puluh)

- 4) *Al-‘adad al-tarti:biyy* : *al-ma‘tu:f* (العَدَدُ التَّرتِيبِي المَعطُوف) daripada الحَادِي والعَشْرُونَ (kedua puluh satu) sehingga التَّاسِعَ والتَّسْعُونَ (kesembilan puluh sembilan) (Muhammad Khali:l Ba:sha:,1985:246)

Berbeza dengan *al-‘adad al-asliyy*, *al-‘adad al-tarti:biyy* sentiasa mengikuti *al-ma‘du:d* daripada aspek maskulin dan feminin. Ini bererti, dalam keadaan maskulin, digunakan *al-‘adad al-tarti:biyy* maskulin dan dalam keadaan feminin, digunakan *al-‘adad al-tarti:biyy* feminin.

Walau bagaimanapun bagi *al-‘adad al-tarti:biyy al-‘uqu:d*, keadaan sedikit berbeza. Hal ini demikian kerana lafaz *al-‘uqu:d* (... أربَعُونَ، ثلاثُونَ، عَشْرُونَ) kekal dalam bentuk yang sama dalam semua keadaan, maskulin atau feminin.

Daripada aspek *i‘ra:b* pula, terdapat dua situasi *i‘ra:b* bagi *al-‘adad al-tarti:biyy* iaitu:

- 1- *Al-‘adad al-tarti:biyy* disebut bersama dengan *al-ma‘du:d*
- 2- *Al-‘adad al-tarti:biyy* tidak disebut bersama dengan *al-ma‘du:d*


Sekiranya *al-‘adad al-tarti:biyy* disebut selepas *al-ma‘du:d*, ia dii‘rab sebagai *al-na‘at* kepada *al-ma‘du:d* dan sekiranya *al-‘adad al-tarti:biyy* tidak disebut bersama dengan *al-ma‘du:d*, ia dii‘rab berdasarkan kedudukannya dalam ayat. (Imi:l Badi:‘ Ya‘ku:b,2000:447).

Contohnya ayat جَاءَتْ الطَّالِبَةُ العَاشِرَةُ (telah datang pelajar kesepuluh). Dalam ayat ini, *al-‘adad al-tarti:biyy* العَاشِرَةُ berada dalam kasus nominatif sebagai *al-na‘at* kepada *al-ma‘du:d* الطَّالِبَةُ yang juga berada dalam kasus nominatif sebagai *al-fa:‘il*. Dalam ayat جِئْتُ

بِالثَّالِثِ (*saya telah datang dengan yang ketiga*) pula, *al-‘adad al-tarti:biyy* الثَّالِثِ, dii‘rab sebagai kata nama genitif yang digenitifkan dengan partikel *jarr* ِ.

Bagi *al-‘adad al-tarti:biyy al-murakkab* pula, kedua bahagian *al-‘adad al-tarti:biyy* dii‘rab sebagai *mabniy* dengan *fathaṭ* (*mabniy ‘ala: al-fath al-juz’ayn*) dalam kasus nominatif atau akusatif atau genitif sebagai *al-na‘at*. (Muhammad Khali:l Ba:sha:,1985:246).

Contoh *i‘ra:b* bagi *al-‘adad al-tarti:biyy* ini boleh dijelaskan melalui firman Allah Ta‘a:la dalam su:raṭ al-Dukhkha:n ayat 35 di bawah:



Maksudnya: (*Mati, hanyalah mati kita yang pertama (di dunia) dan kita tidak sekali-kali akan dibangkitkan hidup lagi (sesudah itu)*)

Dalam ayat ini, *al-‘adad al-tarti:biyy* الأولى merupakan *al-na‘at* kepada firman-Nya مَوْتَنَا. *Al-na‘at* dalam ayat ini, sepertimana dalam *al-‘adad al-asliyy*, berfungsi sebagai penguat ayat. Hal ini demikian kerana, tiada di sana kematian lain sehingga terpaksa disebut الأولى (*yang pertama*). Sebaliknya disebut semata-mata sebagai penguat ayat. (‘Umar bin ‘I:sa: al-Haramiyy,2005,Vol:2:962).

Al-‘adad al-tarti:biyy ini biasanya digunakan untuk menunjukkan jam, giliran, kedudukan peserta dan seumpamanya. Dalam konteks pembelajaran BA di sekolah, *al-‘adad al-tarti:biyy* ini telah didedahkan kepada pelajar sejak dari peringkat menengah rendah lagi. Pelajar-pelajar telahpun didedahkan dengan topik berkaitan dengan penggunaan *al-‘adad*

yang menunjukkan kedudukan, jam dan masa dalam BA sejak dari tingkatan satu lagi. Ini bermakna penggunaan dan penguasaan *al-‘adad al-tarti:biyy* ini bukanlah sesuatu yang asing bagi pelajar-pelajar yang mempelajari BA di sekolah-sekolah menengah.

Dalam perbincangan seterusnya akan dibincangkan pembahagian *al-‘adad al-tarti:biyy* ini sepertimana kelazimannya dengan mendatangkan contoh yang sesuai.

3.5.1 Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-Mufrad (العدد الترتيبي المفرد)

Al-‘adad al-tarti:biyy bahagian ini mempunyai dua bentuk sepertimana kelazimannya dalam BA iaitu maskulin dan juga feminin. Kedua-dua bentuk berkenaan boleh dijelaskan melalui gambar rajah di bawah.

JADUAL 3.11: Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-Mufrad Maskulin Dan Feminin

Al-‘Adad Al-Tarti:biyy Al-Mufrad Maskulin	Al-‘Adad Al-Tarti:biyy Al-Mufrad Feminin
الأوّل	الأولى
الثاني	الثانية
الثالث	الثالثة

Al-‘Adad Al-Tarti:biyy Al-Mufrad Maskulin	Al-‘Adad Al-Tarti:biyy Al-Mufrad Feminin
الرَّابِعُ	الرَّابِعَةُ
الخَامِسُ	الخَامِسَةُ
السَّادِسُ	السَّادِسَةُ
السَّابِعُ	السَّابِعَةُ
الثَّامِنُ	الثَّامِنَةُ
التَّاسِعُ	التَّاسِعَةُ
الْعَاشِرُ	الْعَاشِرَةُ

Al-‘adad al-tarti:biyy maskulin digunakan bersama dengan *al-ma‘du:d* maskulin dan *al-‘adad al-tarti:biyy* feminin digunakan bersama dengan *al-ma‘du:d* feminin.

Contoh penggunaannya dalam ayat adalah seperti berikut:

- فَارَ التَّلْمِيذُ الْأَوَّلُ (Telah menang pelajar lelaki yang pertama)
- كَافَأْتُ التَّلْمِيذَ الْأَوَّلَ (Saya menyokong pelajar lelaki yang pertama)
- مَرَزْتُ بِالتَّلْمِيذِ الْأَوَّلِ (Saya melintasi pelajar lelaki yang pertama)

Menurut Imi:l Badi:‘ Ya‘ku:b (tt:223) sekiranya *al-‘adad* dan juga *al-ma‘du:d* tidak mempunyai [ال] di pangkal keduanya dan *al-‘adad* pula berada di hadapan *al-ma‘du:d*, maka *al-‘adad* yang maskulin digunakan, sama ada dengan *al-ma‘du:d* yang maskulin atau feminin. Beliau mendatangkan contoh seperti berikut: قَابَلْتُ زَيْدًا أَوَّلَ مَرَّةٍ (Saya bertemu Zaid pertama kali)

Dalam contoh ayat di atas, kita dapati *al-ma‘du:dnya* مَرَّةً adalah feminin. Mengikut peraturan asal, *al-‘adad* juga mestilah feminin kerana *al-‘adad* mesti mengikut *al-ma‘du:d* daripada aspek feminin atau maskulinnya. Tetapi, oleh kerana kedua-dua *al-‘adad* dan juga *al-ma‘du:d* tidak mempunyai [ال] di pangkalnya dan *al-‘adad* pula berada di hadapan *al-ma‘du:d*, maka *al-‘adad* yang maskulin digunakan.

3.5.2 Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-Murakkab (العَدَدُ التَّرتِيبِي المُرَكَّب)

Al-‘adad al-tarti:biyy ini terdiri daripada dua bahagian iaitu *al-‘adad al-tarti:biyy al-mufrad* seperti [تَاسِع] atau [تَاسِعَة] dan pelengkapnya sama ada lafaz [عَشْر] ketika maskulin atau [عَشْرَة] ketika feminin. Kedua-dua bahagian ini, maskulin sekiranya *al-ma‘du:dnya* maskulin dan feminin sekiranya *al-ma‘du:dnya* feminin.

Al-‘adad bahagian ini juga mempunyai dua bentuk sepertimana kelazimannya dalam BA iaitu maskulin dan juga feminin. Kedua-dua bentuk berkenaan boleh dijelaskan melalui gambar rajah di bawah.

JADUAL 3.12: Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-Murakkab Maskulin Dan Feminin

Al-‘Adad Al-Tarti:biyy Al-Murakkab Maskulin	Al-‘Adad Al-Tarti:biyy Al-Murakkab Feminin
الحادي عشر	الحادية عشرة

الثَّانِيَةَ عَشَرَ	الثَّانِي عَشَرَ
الثَّالِثَةَ عَشَرَ	الثَّالِثَ عَشَرَ
الرَّابِعَةَ عَشَرَ	الرَّابِعَ عَشَرَ
الخَامِسَةَ عَشَرَ	الخَامِسَ عَشَرَ
السادِسَةَ عَشَرَ	السادِسَ عَشَرَ
السَّابِعَةَ عَشَرَ	السَّابِعَ عَشَرَ
الثَّامِنَةَ عَشَرَ	الثَّامِنَ عَشَرَ
التَّاسِعَةَ عَشَرَ	التَّاسِعَ عَشَرَ

Kedua-dua bahagian *al-‘adad* ini sentiasa *mabniy* dengan *fathat* (*mabniy ‘ala: al-fathi al-juz’ayn*) sama ada dalam kasus nominatif, akusatif atau genitif sebagai *al-na‘at* atau kata sifat kepada kata nama sebelumnya.

Contoh penggunaannya dalam ayat adalah seperti berikut:

- انتهت الدِّراسَةُ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ عَشَرَ لَيْلًا (Telah tamat pengajian pada jam kedua belas malam)
- فازَ اللاعبُ الثَّالِثَ عَشَرَ (Telah menang pemain yang ketiga belas)
- شاهدتُ اللاعبَةَ الرَّابِعَةَ عَشَرَ (Saya telah menyaksikan pemain yang keempat belas)

3.5.3 Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-‘Uqu:d (العدد الترتيبي العُقود)

Al-‘adad al-tarti:biyy al-‘uqu:d kekal dengan lafaz yang sama untuk maskulin dan juga feminin. Dalam semua keadaan, maskulin atau feminin, digunakan (عِشْرُونَ – ثَلَاثُونَ – أَرْبَعُونَ)

(خَمْسُونَ – سِتُّونَ – سَبْعُونَ – ثَمَانُونَ – تِسْعُونَ). Dalam keadaan nominatif, *al-‘adad* ini dibaca dengan wa:w, manakala dalam keadaan akusatif dan genitif *al-‘adad* ini dibaca dengan ya:’. Hal ini demikian kerana *al-‘adad* ini adalah merupakan *mulhaq* kepada *jama‘ mudhakkar sa:lim*.

Contoh penggunaan *al-‘adad al-tarti:biyy al-‘uqu:d* adalah seperti berikut:

- وَصَلَ الطَّالِبُ الْعِشْرُونَ (Telah tiba pelajar lelaki yang kedua puluh)
- وَصَلَتِ الطَّالِبَةُ الْعِشْرُونَ (Telah tiba pelajar perempuan yang kedua puluh)
- قَابَلَ الْوَزِيرُ الْوَفْدَ الثَّلَاثِينَ (Menteri telah bertemu tetamu yang ketiga puluh)

3.5.4 Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-Ma‘tu:f (الْعَدَدُ التَّرتِيبِي المَعطُوف)

Al-‘adad al-tarti:biyy ini terdiri daripada dua bahagian iaitu *al-‘adad al-tarti:biyy al-mufrad* seperti [تَاسِعٌ] untuk maskulin atau [تَاسِعَةٌ] untuk feminin dan pelengkapannya iaitu salah satu daripada lafaz *al-‘uqu:d*; contohnya [تِسْعُونَ]. Bahagian yang pertama ini digunakan lafaz maskulin sekiranya kata nama sebelumnya maskulin dan digunakan lafaz feminin sekiranya kata nama sebelumnya feminin. Manakala bahagian yang kedua *al-‘adad*, kekal dengan bentuk yang sama, sama ada untuk maskulin atau feminin.

Bahagian yang kedua ini juga, ketika nominatif dibaca dengan wa:w dan ketika akusatif atau genitif dibaca dengan ya:’ kerana ia adalah *mulhaq* kepada *jama‘ mudhakkar sa:lim*. *Al-‘adad* bahagian ini juga mempunyai dua bentuk sepertimana kelazimannya dalam BA iaitu maskulin dan juga feminin. Kedua-dua bentuk berkenaan boleh dijelaskan melalui gambar rajah di bawah.

JADUAL 3.13: Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : Al-Ma‘tu:f Maskulin Dan Feminin

Al-‘Adad al-Tarti:biyy al-Ma‘tu:f Maskulin	Al-‘Adad al-Tarti:biyy al-Ma‘tu:f Feminin
الْحَادِي وَالْعِشْرُونَ	الْحَادِيَّةُ وَالْعِشْرُونَ
الثَّانِي وَالْعِشْرُونَ	الثَّانِيَّةُ وَالْعِشْرُونَ
الثَّالِثُ وَالْعِشْرُونَ	الثَّالِثَةُ وَالْعِشْرُونَ
الرَّابِعُ وَالْعِشْرُونَ	الرَّابِعَةُ وَالْعِشْرُونَ
الْحَامِسُ وَالْعِشْرُونَ	الْحَامِسَةُ وَالْعِشْرُونَ
السَّادِسُ وَالْعِشْرُونَ	السَّادِسَةُ وَالْعِشْرُونَ
السَّابِعُ وَالْعِشْرُونَ	السَّابِعَةُ وَالْعِشْرُونَ
الثَّامِنُ وَالْعِشْرُونَ	الثَّامِنَةُ وَالْعِشْرُونَ
التَّاسِعُ وَالْعِشْرُونَ	التَّاسِعَةُ وَالْعِشْرُونَ

Contoh penggunaannya dalam ayat adalah seperti berikut:

- جَاءَ الطَّالِبُ الْحَادِي وَالْعِشْرُونَ (Telah datang pelajar lelaki yang kedua puluh satu)
- جَاءَتْ الطَّالِبَةُ الْحَادِيَّةُ وَالْعِشْرُونَ (Telah datang pelajar perempuan yang kedua puluh satu)
- شَاهَدْتُ الطَّالِبَةَ الْحَامِسَةَ وَالْعِشْرُونَ (Saya telah menyaksikan pelajar perempuan yang kedua puluh lima)

3.5.5 Al-‘Adad Al-Tarti:biyy : مِئَةٌ – أَلْفٌ – مِائِيُونَ – مِليَار – بِلْيُون

Al-‘adad al-tarti:biyy ini kekal dalam bentuk yang sama sahaja sama ada ketika maskulin atau feminin. Al-‘adad ini di‘irabkan sebagai al-na‘at kepada kata nama sebelumnya sama

ada ketika berada dalam kasus nominatif, akusatif atau genitif berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Contoh penggunaan dalam ayat adalah seperti berikut:

- جَاءَ الطَّالِبُ الْمِئَةُ (Telah datang pelajar lelaki yang keseratus)
- حَقَّقَ جَيْشُنَا فِي عَدُوِّهِ الْإِصَابَةَ الْأَلْفَ (Tentera kita telah menewaskan musuh keseribu)

3.6 AL-‘ADAD DALAM BENTUK PECAHAN

Selain daripada *al-‘adad al-asliyy* dan *al-‘adad al-tarti:biyy*, ada beberapa lagi perkataan dan istilah yang sering digunakan yang ada kaitan yang rapat dengan topik *al-‘adad* ini.

Perkataan dan istilah ini penting untuk diselitkan dalam perbincangan Bab Tiga ini kerana dalam penggunaan *al-‘adad* seharian, perkataan yang menunjukkan pecahan seperti النِّصْف (separuh), الرَّبْع (satu perempat), الثُّمْن (satu perlapan), السُّدُس (satu perenam) dan seumpamanya sering digunakan. Lebih-lebih lagi yang melibatkan penggunaan jam, masa dan juga timbangan.

Untuk menerangkan beberapa istilah ini, cukuplah sekadar kita merenung firman Allah Ta‘a:la: (su:rat al-Nisa:’ ayat 11 dan 12)



103



Maksudnya: (Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah **dua pertiga** ($\frac{2}{3}$) dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah **satu perdua** ($\frac{1}{2}$) harta itu. Dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: **satu perenam** ($\frac{1}{6}$) dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah **satu pertiga** ($\frac{1}{3}$). Kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah **satu perenam** ($\frac{1}{6}$). (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu. (Pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Dan bagi kamu satu perdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh

satu perempat ($\frac{1}{4}$) dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula **satu perempat** ($\frac{1}{4}$) dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak, maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah **satu perlepas** ($\frac{1}{8}$) dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu) maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah **satu perenam** ($\frac{1}{6}$). Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada **satu pertiga** ($\frac{1}{3}$) (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-waris). (Tiap-tiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyar.

Dalam dua ayat ini, didapati hampir kesemua kata bilangan yang berbentuk pecahan telah dinyatakan. Jadual 3.14 di bawah menunjukkan kata bilangan yang menunjukkan pecahan sepertimana yang dinyatakan dalam ayat tersebut serta padanannya dalam BM.

JADUAL 3.14: Al-‘Adad Pecahan BA Dan Padanannya Dalam BM

Kata Bilangan Pecahan BA	Kata Bilangan Pecahan BM
النَّصْف	Setengah atau separuh ($\frac{1}{2}$)

الثُلُث	Satu pertiga ($\frac{1}{3}$)
الرُّبُع	Satu perempat ($\frac{1}{4}$)
السُّدُس	Satu perenam ($\frac{1}{6}$)
الثَّمَن	Satu perlapan ($\frac{1}{8}$)
الثُّلُثَان	Dua pertiga ($\frac{2}{3}$)

Berdasarkan kepada contoh ini, bolehlah dibuat panduan bagi kata bilangan yang menunjukkan pecahan yang lain.

3.7 Al-‘ADAD TIDAK TENTU (الْعَدَدُ الْمُبْهَمُ)


Al-‘adad tidak tentu atau الْعَدَدُ الْمُبْهَمُ ialah perkataan yang sering digunakan untuk menunjukkan jumlah sesuatu yang tidak ditentukan bilangannya. Ianya membawa maksud beberapa jumlah yang tidak ditentukan kadarnya dengan tepat. Istilah yang biasa digunakan untuk menunjukkan kehendak dengan maksud sedemikian ialah الْبِضْعُ dan juga النَّيْفُ.

3.7.1 بَضْعَةٌ Atau بِضْعٌ (Beberapa)

Menurut Ibn Manzu:r (1990, Vol.8:15) الْبِضْعُ dan الْبِضْعُ dengan *fathat* dan *kasrat* ialah jumlah di antara tiga hingga sepuluh. Ada pendapat menyatakan ianya di antara tiga hingga

sembilan dan ada yang menyatakan di antara empat hingga sembilan. Menurut ‘Abd al-Mun‘im Sayyid ‘Abd al-‘A:l (t.t,Vol.4:7) pula, perkataan بَضْعٌ atau بَضْعَةٌ menunjukkan suatu jumlah yang tidak ditentukan. Akan tetapi jumlah berkenaan tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada sembilan.

Perkataan بَضْعٌ atau بَضْعَةٌ ini digunakan sepertimana *al-'adad al-mufrad* daripada ثَلَاثَةٌ hingga تِسْعَةٌ iaitu saling bersalahan dengan *al-ma'du:d* daripada aspek gender maskulin dan feminin. Sekiranya *al-ma'du:d* maskulin, digunakan perkataan بَضْعَةٌ dan sekiranya *al-ma'du:d* feminin, digunakan perkataan بَضْعٌ. Firman Allah Ta 'a:la: (su:rat Yu:suf :42)



یوسف: 42

Maksudnya: *(Dengan sebab itu, tinggallah Yusuf dalam penjara beberapa tahun.)*

Menurut ‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy (1992, Vol.1:307) kata nama mufrad bagi *al-ma‘du:d* سِنَّةٌ ialah سِنَّةٌ dan ianya merupakan kata nama feminin. Oleh hal yang demikian digunakan perkataan بَضْعٌ dalam ayat ini iaitu dalam keadaan al-‘adad maskulin.

Daripada segi *i‘ra:b*, perkataan ini dii‘rab dengan tanda kasus yang nyata di akhirnya berdasarkan kedudukannya dalam ayat. Ini bermakna ketika dalam kasus nominatif, perkataan ini dibaca dengan tanda baris *dammat*, dalam kasus akusatif, perkataan ini dibaca dengan tanda baris *fathat* dan dalam kasus genitif, perkataan ini dibaca dengan tanda baris *kasrat*. Contoh penggunaannya boleh dilihat kepada contoh-contoh berikut:

- سَافَرَ بِضْعَةُ طُلَّابٍ وَبِضْعُ طَالِبَاتٍ (Telah bermusafir beberapa orang pelajar lelaki dan beberapa orang pelajar perempuan)
- حَضَرَ الْيَوْمَ بِضْعَةُ طُلَّابٍ وَبِضْعُ طَالِبَاتٍ (Telah datang pada hari ini beberapa orang pelajar lelaki dan beberapa orang pelajar perempuan)
-

3.7.2 نَيْفٌ (Lebih)

Menurut Ibn Manzu:r (1990, Vol.9:342) perkataan نَيْفٌ bermaksud semua jumlah yang lebih besar daripada *al-‘iqdu* (puluh). Ibn Hisha:m (b) (1994, Vol.4:243) pula menyebut النَيْفُ ialah sembilan dan jumlah yang lebih kecil daripadanya. Walaupun seakan-akan ada perbezaan maksud yang dinyatakan oleh kedua-dua ahli bahasa ini mengenai maksud perkataan نَيْفٌ, akan tetapi kedua-duanya adalah menerangkan mengenai fungsinya. Ini kerana lafaz نَيْفٌ ini sentiasa didahului oleh salah satu daripada lafaz *al-uqu:d* daripada تِسْعُونَ hingga عَشْرَةٌ dan ianya menunjukkan jumlah yang lebih besar daripada lafaz *al-‘iqdu* yang mendahuluinya.

Menurut ‘Abd al-Mun‘im Sayyid ‘Abd al-‘A:l (t.t, Vol.4:8) perkataan نَيْفٌ ini merangkumi bilangan di antara satu sehingga sembilan tanpa ditentukan jumlahnya. Lafaz ini sentiasa dalam keadaan maskulin dan tidak bersambung dengan *ta:’ al-marbutat*. Lafaznya ini juga sentiasa didahului oleh salah satu daripada lafaz *al-uqu:d* daripada تِسْعُونَ hingga عَشْرَةٌ

Mengenai maksud penggunaan *al-‘adad* ini, ‘Abba:s Hasan (t.t, Vol.4:519) menyebut tidak harus menggunakan perkataan نَيْفٌ melainkan di atas dasar maksud yang dikehendaki itu melebihi daripada lafaz *al-‘uqu:d* yang mendahuluinya.

Contoh penggunaan *al-‘adad* tidak tentu نَيْفٌ adalah seperti berikut:

- عَشْرَةٌ وَنَيْفٌ* (sepuluh dan lebih)
- عِشْرُونَ وَنَيْفٌ* (dua puluh dan lebih)
- تِسْعُونَ وَنَيْفٌ* (sembilan puluh dan lebih)

3.8 Kesimpulan

1- *Al-‘adad al-asliyy* terbahagi kepada dua seperti dalam jadual 3.15 di bawah.

JADUAL 3.15: Jenis-jenis Al-‘Adad Al-Asliyy

<i>Al-‘Adad Al-Asliyy Mabniy</i>	<i>Al-‘Adad Al-Asliyy Mu‘rab</i>
- bahagian pertama daripada <i>al-‘adad al-murakkab</i> (أَحَدَ عَشَرَ — تِسْعَةَ عَشَرَ) kecuali <i>al-‘adad</i> اثْنَا عَشَرَ	- <i>Al-‘adad</i> (وَاحِدٌ — عَشْرَةٌ) - Bahagian pertama <i>al-‘adad</i> اثْنَا عَشَرَ - <i>Al-‘adad</i> daripada (عِشْرُونَ) ke atas

- 3- *Al-‘adad* وَاحِدٌ hingga عَشْرَةٌ dibaca dengan baris *dammat* ketika berada dalam kasus nominatif, dibaca dengan baris *fathat*, ketika berada dalam kasus akusatif dan dibaca dengan baris *kasrat*, ketika berada dalam kasus genitif.
- 4- *Al-‘adad* yang didepani dengan lafaz yang menunjukkan makna pendua (*al-muthanna:*), dii‘rab dengan *i‘ra:b* kata nama pendua iaitu nominatif dengan dengan alif, akusatif dan genitif dengan ya:’.
- 5- *Al-‘adad al-‘uqu:d* dii‘rab sepertimana *i‘ra:b jama‘ mudhakkar sa:lim* iaitu nominatif dengan wa:w, akusatif dan genitif dengan ya:’.

- 6- *I'ra:b al-ma'du:d*: ada tiga keadaan *i'ra:b* bagi *al-ma'du:d* seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3.16 di bawah.

JADUAL 3.16 I'ra:b Al-ma'du:d

<i>I'ra:b Al-ma'du:d</i>	Jenis <i>Al-'adad</i>
<i>Al-tamyi:z</i>	Semua <i>al-'adad al-murakkab</i> Semua <i>al-'adad al-ma'tu:f</i> Semua <i>al-'adad al-'uqu:d</i>
<i>Muda:f Ilayhi</i>	<i>Al-'adad al-mufrad</i> ثَلَاثَةٌ hingga عَشْرَةٌ <i>Al-'adad</i> مِئَةٌ dan gandaannya
<i>Al-na'at</i>	<i>Al-'adad</i> وَاحِدٌ dan اِثْنَانِ

- 7- *Al-'adad al-tarti:biyy* : dii'rab sebagai *al-na'at* kepada *al-ma'du:d* sekiranya *al-'adad al-tarti:biyy* disebut bersama dengan *al-ma'du:d*. Sekiranya tidak disebut bersama dengan *al-ma'du:d*, *al-'adad al-tarti:biyy* dii'rab berdasarkan kedudukannya dalam ayat.